# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 26 BILANGAN 49 | RABU 9HB DISEMBER, 1981. | رابو 11 صفر 1402 | PERCHUMA


## PMK. SETIA USAHA K'JAAN DI-KORNIAKAN GELARAN PEHIN MANTERI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah berkenan mengorniakan gelaran Pehin Manteri kapada Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Dato Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd Taib.

Dalam satu istiadat yang berlangsong di-Lapau disini pada hari Khamis lalu, Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan di-korniakan gelaran **Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan.**

Iistiadat tersebut di-dahului dengan menapakkan gangsa sireh oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Kesuma Awang Haji Ali bin Ismail.

### CHIRI GELARAN

Sementara Chiri Gelaran telah di-bachakan oleh Awang Haji Mat Yassin bin Awang Damit.

Istiadat tersebut di-akhir dengan bachaan do'a selamat oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Awang Haji Mohd Yusof.

Berangkat ka-Istiadat tersebut ia-lah DYTM Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin; YTM Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Hj. Sufri Bolkiah dan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah.

Turut juga hadhir ia-lah TYT Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Arthur Watson, Yang Teramat Berhormat Penasehat Umom Kebawah DYMM, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd Aziz, Yang Amat Mulia Pengiran2 Cheteria, Pehin2 Manteri dan Pegawai2 Kanan Kerajaan.





Y.B. Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Setia Awang Abdul Rahman junjong ziarah kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia sa-telah selesai Istiadat Mengorniakan gelaran (kiri.) Sementara gambar kanan menunjokkan Y.B. Pehin Orang Kaya Kesuma Awang Haji Ali menapakkan gangsa sireh ka-bahu Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan. Mengapit di-sebelah kiri Yang Berhormat ia-lah YDM Pehin Orang Kaya Maharaja Seri Rama Dato Paduka Mohammad bin Momin.

## Lantekan Pegawai2 Kanan Kerajaan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah memperkenankan lantekan, pertukaran dan penetapan beberapa orang pegawai kanan kerajaan.

Mereka ia-lah Dato Paduka Dr. Haji Hussein bin Haji Mohd. Daud telah di-lantek sa-bagai Penguasa Perubatan, tatkala menjalankan tugas2-nya sa-bagai Pegawai Perhubongan Pembenaan Rumah Sakit Baru mulai dari 1hb. September, 1981.

Pegawai Daerah Belait, Pengiran Idriss Ibni Al-Marhum Pengiran Temenggong Pengiran Haji Mohammad telah di-tukar untok berkhidmat sa-bagai wakil Kerajaan

Lihat muka 20

## Manis-nya Iman

"BARANGSIAPA yang di-timpa musibah dalam perkara harta-nya atau jasad-nya lalu tidak di-heboh2kan-nya dan tidak juga dia menyusah2kan orang dengan mengadu-kan-nya maka ada-lah Allah Ta'ala akan memberi keampunan kapada-nya." — HADITH Nabi (Durratun Nasehin).

## J-kuasa melabor harta2 di-tubohkan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah memperkenankan penubohan sa-buah jawatan-kuasa untok memperkembang dan melaborkan harta2 mengikut mana2 yang sesuai di-negeri ini.

Ketua Pegawai Pelajaran Ugama, Awang Haji Abdul Saman bin Kahar yang beruchap di-Majlis Taklimat anjoran Bahagian Penerangan minggu lalu, menjelaskan jawatan-kuasa tersebut akan berbuat demikian ka-atas harta-harta yang berada di-bawah jagaan Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).

Kata-nya, ada-lah di-harapkan dengan langkah2 tersebut harta2 berkenaan akan memberi hasil yang boleh di-nekmati oleh orang ramai yang mengeluarkan zakat dan yang mewakafkan tanah2 dan harta2 warith yang di-kumpolkan.

### JAWATANKUASA

Menurut Awang Haji Abdul Saman dari nilaian yang ada dan terkumpol sa-hingga berakhir tahun 1980 harta tersebut berjumlah lebeh dari tiga juta ringgit.

Jawatankuasa tersebut di-namakan dan di-kenali sa-bagai JAWATANKUASA MENGKAJI PERKEMBANGAN DAN PELABORAN HARTA MAJLIS UGAMA ISLAM BRUNEI dengan di-pengerusikan oleh Naib Yang Dipertua MUIB, Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim dan ahli2 terdiri dari: Yang Berhormat Kadhi Besar Brunei; Awang Selamat bin Munap, Awang Haji Abdul Saman bin Kahar; Pesurohjaya Tanah Brunei; Awang Abd Rahman bin Haji Karim; Pengarah Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei; Pengarah Yunit Peranchang Ekonomi; Awang Haji Suhaili bin Haji Mohiddin (Setiausaha) dan Pengelola Baitul Mal, Zakat dan Fitrah (Penolong Setia-usaha).

### PENTADBIRAN

Awang Haji Abdul Saman berkata, dari jumlah itu, harta2 dari kumpolan wang pentadbiran dan am ia-lah berjumlah $630,065.01.

Sementara harta2 dari kumpolan tanah yang berjumlah 91 keping geran dengan keluasan 170 ekar. 3Rd. 920p bernilai $2,028,200.00.

Dan harta2 dari kumpolan zakat dan fitrah salepas di-tolak pembahagian kapada asnab2 kini berbaki dengan jumlah $625,734.37.

Lihat muka 20

## 18 di-lantek sa-bagai juru nikah

BANDAR SERI BEGAWAN. —Dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, saramai 18 orang juru nikah telah di-lantek bagi Daerah Brunei dan Muara yang bermula pada 1hb September lepas.

Juru2 nikah yang di-lantek itu ia-lah Awang Haji Anuar bin Mohd. Yusof, Imam Masjid Kampong Bunot, Awang Abdul Ghafar bin Abdul Ghani Imam Masjid Kampong Kilanas, Awang Haji Jumat Haji Nayan Imam Masjid Kampong Masin, Awang Haji Mohd Yassin bin Idris Imam Masjid Kampong Pudak, Ampuan Haji Tengah bin Ampuan Daud Imam Masjid Kampong Limau Manis dan

Lihat muka 20

## Pengorniaan tambang naik haji

BANDAR SERI BEGAWAN. — Permohonan2 untok mendapatkan pengorniaan tambang menunaikan fardhu haji bagi musim haji 1982M/1402H telah di-bukakan dari sekarang bagi pegawai2 kerajaan yang dalam perkhidmatan dan sudah bersara yang berhak menurut sharat2 tertentu.

Pemohon2 mesti-lah terdiri daripada raayat Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang telah berkhidmat tidak kurang 15 tahun terus-menerus samada dalam perkhidmatan2 tetap, sa-bulan ka-sebulan atau open vote.

### IKUT SHARAT

Sementara bagi pegawai-pegawai kerajaan yang telah bersara hendak-lah mengikut sharat2 yang lazim.

Pegawai yang memohon itu belum pernah menunaikan fardhu haji dengan perbelanjaan (kornia) daripada Kerajaan. Tetapi mana2 pegawai yang berkesempatan menunaikan fardhu haji semasa menjalankan tugas sa-bagai Pegawai Perhubongan Haji dan lain2 atas urusan kerajaan di-bolehkan untok memohon tambang ini.

Pegawai2 kerajaan yang maseh dalam perkhidmatan hendak-lah menghantar permohonan2 mereka melalui ketua jabatan masing-masing, sementara pegawai2 yang telah bersara hendak-lah melalui Pengarah Perjawatan.

Semua borang2 permohonan yang telah di-isi dengan lengkap hendak-lah di-kembalikan ka-Jabatan Setia Usaha Kerajaan tidak lewat dari 31hb. Januari, 1982, permohonan2 yang lewat dari tarikh tersebut tidak akan di-layan.


# JANGAN MEMBAZIRKAN TENAGA LETRIK

**Pelita Brunei**

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

9HB DISEMBER, 1981

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## Bahasa Melayu dan orang2 bukan Melayu:

# UTK MENDAPATKAN PENERIMAAN

SEJAUH mana-kah orang2 bukan Melayu patut mempelajari bahasa Melayu ?

Jawab-nya sangat-lah jelas : Sejauh sahingga mereka boleh menguasai-nya dalam pertutoran dan penulisan.

Dan sejauh apa-kah pula kepentingan mereka mempelajari-nya ?

Pun jawab-nya tidak sahaja sangat jelas malah juga sangat tegas, ia-itu supaya mereka tidak banyak menghadapi kesukaran untok mensesuaikan diri dengan keadaan tempatan, dan bersedia mengenalkan diri mereka dengan aspirasi2 nasional serta norma2 dan nilai2 kebudayaan orang2 tempatan.

Tetapi sejauh mana-kah mereka menyedari hal2 itu dan mengusahakan-nya tidak-lah pula jelas. Kerana itu-lah sangat tepat sekali apabila Yang Teramat Berhormat Penasehat Umom Kebawah DYMM dengan selantang2-nya menegaskan kepatutan dan kepentingan tersebut saperti yang di-laporkan minggu lepas dalam akhbar Pelita Brunei ini dan oleh sa-buah akhbar tempatan berbahasa Inggeris.

Kita berharap penegasan Yang Teramat Berhormat Pehin itu akan mendapat perhatian yang sunggoh2 dari kalangan orang2 bukan Melayu. Dan terutama sekali kerana bahasa Melayu juga berkaitan dengan proses mendapatkan taraf keraayatan negeri ini maka orang2 yang berhajat untok menjadi raayat dan bernegerikan negeri ini penting pula mengingati bahawa tidak ada chara lain untok menchapai maksud itu selain daripada mempelajari dan menguasai bahasa Melayu.

Lebeh dari itu lagi, saperti yang di-uchapkan sa-chara berterus terang oleh Yang Teramat Berhormat Pehin bahawa beliau tidak dapat menekankan hal tersebut keterlaluan tetapi menurut-nya yang pasti ia-lah mempelajari dan menguasai bahasa Melayu itu-lah satu chara untok orang2 bukan Melayu mendapatkan penerimaan yang sempurna di-samping untok mensesuaikan diri dalam masharakat dimana mereka berada, khusus-nya dalam perengkat penting sejarah ketika kita sedang dalam proses membangun bangsa.

## BUKU2 TEKS

Kita tidak terkejut mengetahui bahawa sa-bahagian besar buku2 teks yang di-pakai di-sekolah2 negeri ini di-hasilkan oleh penulis2 luar negeri. Fakta-nya tidak sa-takat itu sahaja malah sa-bahagian besar daripada kandongan pelajaran anak2 kita pun sebenar-nya tidak meliputi hal ehwal dan latar-belakang tempatan. Kerajaan melalui DBP melancharkan sekim persoalan-nya buku2 teks oleh tenaga2 tempatan maka persoalan-nya bukan-lah setakat 'menggantikan' penulis2-nya tetapi serentak dengan itu ia-lah juga untok mendedahkan anak2 kita kapada hal ehwal dan latar-belakang tempatan melalui buku2 yang mereka pelajari.

Kita perchaya akan kebolehan dan keupayaan orang2 kita untok mengisi keperluan tersebut.. Mereka kini sudah di-gerakkan melalui sekim itu dan Insha Allah kita akan melihat hasil-nya.

## Buku2 teks dari luar tidak memenohi kehendak negara

# PERANAN PENULIS2 TEMPATAN AMAT DI-PERLUKAN

**BERIKUT ia-lah uchapan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani dalam perjumpaan dengan penulis2/guru2 Jabatan Pelajaran yang telah berlangsong di-Bilek Kuliah Dewan Bahasa dan Pustaka pada 22hb Nobember yang lalu.**

KITA semua amat menyedari bahawa buku2 teks merupakan bahan-bahan pembelajaran yang paling penting untok murid2 dan yang amat mustahak bagi membantu para guru dalam proses pengajaran, kerana buku2 teks ada-lah merupakan penentuan yang paling mustahak mengenai penchapaian murid-murid di-bidang pelajaran mereka.

Sa-memang-nya-lah tidak dapat di-nafikan bahawa mutu buku2 teks sabahagian besar ada-lah bergantong kapada penulis-penulis. Buku2 yang bermutu tinggi hanya akan dapat di-hasilkan oleh penulis2 yang mahir dan berpengalaman luas di-bidang masing2. Penulis2 ini pula perlu-lah mengetahui sukatan pelajaran untok menulis buku2 teks tersebut. Sukatan pelajaran pula menentukan kandongan satu2 mata pelajaran tetapi oleh kerana sukatan pelajaran tersebut kadang2 terlalu umum maka para penulis pula membuat tafsiran yang berbedza2 dalam perkara ini.

### DERMA-BAKTI

Ada-lah tidak terlalu berlebehan jika saya mengatakan bahawa kita sabagai bangsa Brunei yang sedang membangun amat mengharapkan derma-bakti dan pengorbanan yang sa-penoh-nya dari para penulis buku teks tempatan untok dapat menulis sachara liberal bagi maksud untok menchapai ka-saragaman dan kekayaan bahan-bahan yang di-tulis. Namun demikian ada-lah amat mustahak di-tekankan bahawa buku2 teks di-perengkat sekolah rendah yang di-gunakan dalam semua aliran di-negeri ini mesti-lah tidak terkeluar daripada sukatan pelajaran yang di-pakai pada masa ini.

### ISI KANDONGAN

Memandang kapada penting-nya isi kandongan buku2 teks yang akan digunakan di-sekolah rendah terutama dalam membentok ketahanan mental anak2 bangsa kita sendiri, maka isi buku2 teks itu patut-lah berlatar-belakangkan keadaan tempatan yang penoh beridentiti keBruneian. Dengan pemikiran melalui buku teks ini nanti akan tertanam dihati sanubari jenerasi muda kita akan datang ketaatan yang penoh kapada raja, kesayangan kapada bangsa, kechintaan kapada negara dan ketakwaan kapada Allah Yang Maha Esa.

### ORANG2 LUAR

Sa-laku sa-orang yang menchintai ilmu pengetahuan, saya beranggapan bahawa sudah tiba-lah saat-nya dan kena pula pada tempat-nya kita mengambil inisiatif untok tidak salama2-nya bergantong penoh kapada buku2 teks yang di-tulis oleh orang luar negeri.

Sa-bagai sa-orang yang mengutamakan kepentingan anak2 bangsa, saya amat khuatir tentang kemungkinan meresap-nya unsor2 yang kurang sihat ka-dalam pemikiran dan kehidupan jenerasi muda kita ia-itu jenerasi muda yang akan di-pertanggongjawabkan bagi mengisi kemerdekaan penoh lagi tulin Negeri Brunei Darussalam. Kerana buku2 teks yang mereka bacha dan pergunakan di-bilek2 darjah nyata sekali tidak dapat memenohi kehendak2 kita dan jauh sekali untok dapat mengisikan aspirasi negara yang berasaskan keMelayuan dan keIslaman itu.

### CHITA2 KERAJAAN

"Buku2 teks yang terpakai waktu ini yang di-tulis orang2 luar yang pengetahuan mereka amat sedikit mengenai kita akan dapat menjejaskan chita2 dan harapan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia untok dapat melahirkan bangsa Brunei yang kukoh bersatupadu lagi aman bahagia". Kerana buku2 teks itu lebeh berasaskan penulisan-nya kapada keadaan2 masharakat luar dan kepentingan2 nasional mereka yang bertentangan dengan keadaan2 dan kepentingan kita sendiri.

Berlandaskan perkara ini-lah saya mengambil langkah positif untok menchuba dengan sa-berapa daya yang boleh bagi menggembeling tenaga dan fikiran serta kepakaran dan pengalaman penulis2 tempatan — abis kita yang ada pada hari ini untok dapat bersama2 membetulkan keadaan yang kurang menyenangkan ini.

"Mudah2an buku2 teks yang akan biskita ungkayahkan itu akan dapat digunakan sa-penoh-nya oleh semua murid dan penuntut di-sekolah2 rendah dan menengah di-negeri ini terutama sekali dalam sistem persekolahan kebangsaan kita."

Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei telah di-berikan peruntokan oleh Kerajaan Duli Yang Maha Mulia bagi urusan penerbitan buku2 ini sa-banyak satu juta ringgit sa-tiap tahun maka terpulang-lah kapada kebijaksanaan kitani semua untok dapat menafaatkan dengan sabaik2-nya peruntokan ini sa-mata2 untok kepentingan bangsa dan Negeri Brunei yang sama2 kita chintai ini jua.

### SA-CHARA TERBUKA

Saya berserta dengan Pegawai2 Kanan yang menjadi ahli Jawatankuasa Penyelarasan Penerbitan Buku2 jabatan ini amat bersedia untok berdailog sa-chara terbuka dan dari hati ka-hati untok dapat menchari jalan rasional lagi penoh praktikal dalam usaha2 kita untok memperchepat dan memperbanyakkan penerbitan buku2 teks.



PENGIRAN Badaruddin ketika beruchap di-majlis perjumpaan penulis2/guru2 Jabatan Pelajaran, di-Dewan Kuliah DBP. — Gambar ehsan DBP.

# $3.2 JUTA DI-PERUNTOK BAGI PEMBENAAN PERPUSTAKAAN

**Oleh : Aisah Piee**

BANDAR SERI BEGAWAN—Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah memperuntokkan kewangan sa-banyak $3.2 juta bagi pembenaan empat buah Perpustakaan Chawangan yang baru di-Temburong, Tutong, Seria dan Kuala Belait.

Langkah ini di-buat memandangkan betapa penting-nya minat membacha di-kalangan orang ramai, terutama jenerasi2 muda pada masa ini.

Demikian telah di-nyatakan oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani, ketika beruchap sa-belum merasmikan Kursus Intensif Perpustakaan yang di-adakan baru2 ini di-Balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka di-sini.

"Minat membacha amat perlu di-bentok sa-chara berterusan dan tanpa kendor2-nya terutama sekali di-kalangan jenerasi muda yang menjadi bakal pemimpin di-hari muka dengan mendedahkan mereka kapada buku2 yang berunsorkan ugama dan buku2 yang banyak mengandongi ilmu pengetahuan yang kemenafaatan-nya tidak kita ragukan," tegas Pengiran Badaruddin.

### TIDAK GEMAR

Dan sebalek-nya, menurut beliau, jika tabi'at tidak gemar membacha ini terdapat di-kalangan kanak2 terutama murid2 sekolah, maka masaalah ini boleh menyulit dan melambatkan kemajuan dan perkembangan pendidekan mereka.

"Jika perkara ini berlaku maka ia-nya akan dapat membantutkan usaha2 kita untok dapat melahirkan tenaga raayat yang akan menyumbangkan derma bakti dalam kegiatan pembangunan dengan pengertian sa-luas2-nya baik dari sektor Kerajaan mahu pun di-sektor swasta terutama sekali dalam usaha kita untok memperbanyakkan jelama Brunei yang berilmu pengetahuan lagi beriman untok dapat mengisikan erti dan makna kemerdekaan penoh lagi tulin negara kita Brunei Darussalam yang sama2 kita chintai ini," kata-nya lagi.

### PENGETAHUAN

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka itu seterus-nya menegaskan bahawa tanpa ada-nya amalan pembachaan yang sewajar-nya, ini akan memungkinkan terhad-nya raayat untok mengikuti perkembangan ilmu pengetahuan dan sosio-ekonomi masharakat, yang seterus-nya akan menjejaskan penyertaan mereka dalam sistem ekonomi dan sosio-politik negara.

Menyetoh mengenai dengan peranan Jabatan DBP yang menjadi indong kapada seluroh perpustakaan di-negeri ini, Pengiran Badaruddin berkata bahawa jabatan-nya akan sentiasa berusaha dengan gigih pada membantu semua jabatan2 Kerajaan terutama sekali Jabatan Pelajaran bagi menolong meningkatkan lagi perkhdimatan2 perpustakaan masing2.

Salah satu dari usaha2 yang berkebajikan itu, tambah-nya lagi, ia-lah dengan mengadakan Kursus Intensif Perpustakaan sa-umpama ini, menurut-nya, perkhdimatan perpustakaan yang chekap lagi berkesan bergantong kapada kemahiran yang tinggi serta fahaman yang mendalam mengenai dengan tugas2 perpustakaan.

Jabatan DBP, jelas-nya, tidak hanya berhenti sa-takat mengadakan kursus sa-umpama itu malah di-masa2 hadapan ia-nya akan di-teruskan dengan mengadakan simposium, seminar, foram, bengkel dalam sains perpustakaan dan pesta buku2 bachaan.

Terdahulu dalam uchapan-nya, Pengarah DBP itu menjelaskan bahawa perpustakaan ia-lah sa-buah institusi kechil yang berperanan memberi perkhidmatan di-samping memberi tumpuan berat untok mengejar ilmu pengetahuan dan pengajian.

"Berjaya atau tidak-nya perkhidmatan perpustakaan ini amat bergantong bukan sahaja kapada bilangan buku2-nya yang chukop lengkap dan pengurusan-nya yang tersusun chekap, bahkan lebeh lagi bergantong kapada kemampuan-nya untok dapat menanamkan tabi'at membacha di-kalangan orang ramai dan kebolehan-nya memberi menafaat yang paling maksima kapada seluroh pengguna2-nya.

## Untok menchapai kemajuan yang di-harapkan

# JAUHKAN PERASAAN BERMUSOHAN – Pg. Ismail

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perasaan bermusohan antara satu dengan yang lain di-kalangan peniaga2 Melayu perlu-lah di-jauhkan, kerana perkara demikian hanya akan menguntongkan peniaga2 bukan Melayu di-samping menjatuhkan keupayaan peniaga2 Melayu sendiri dalam menchapai kemajuan yang di-harapkan.

Mengingatkan demikian di-mashuarat agong Gabongan Peniaga2 Melayu akhir bulan lalu, Pengarah Kerja Raya, Pengiran Ismail bin Pengiran Haji Damit berharap supaya semua badan dalam gabongan itu berganding bahu untok sama2 memikirkan dan mengambil langkah tertentu dan harmoni demi memajukan bidang masing-masing.

### KEBAIKAN

"Kapada ahli2 Gabongan Peniaga Melayu Brunei saya juga ingin mengingatkan yang tanggong-jawab mereka kapada gabongan ini sa-harus-nya-lah di-tumpukan untok kebaikan dan kemajuan badan ini dan bukan untok perseorangan sahaja," ujar-nya.

Beliau menambah jika sifat tidak sa-hati, bernafsu-nafsi, suka mementingkan diri, tidak jujor serta menjalankan langkah2 yang tidak sah di-amalkan oleh ahli2, lambat laun gabongan tersebut akan mati dan gagal akan menchapai apa2 kemajuan.

Pengiran Ismail sa-terus-nya berkata, dalam usaha2 gabongan itu menchari jalan memperluaskan bidang perniagaan mereka, berbagai aspek dalam pengurusan, dan pentadbiran perniagaan perlu-lah mendapat kajian mendalam yang memerlukan tenaga dan buah fikiran yang terator bagi mengelakkan kerugian.

Beliau juga berharap supaya gabongan berkenaan akan memperluaskan penyertaan dan menumpukan tenaga serta buah fikiran mereka di-bidang2 yang lain yang pemborong2 Melayu maseh kekurangan dan bukan hanya sa-takat di-bidang pemborongan.

### 'JOINT-VENTURE'

"Saya perchaya ini akan dapat di-laksanakan oleh gabongan ini. Saya juga yakin sa-masa proses planning dan implementation bagi satu2 projek itu nanti, banyak tawaran2 dari peniaga2 lain untok membuat joint-venture akan di-shorkan," jelas Pengiran Ismail.

Pengiran Ismail berkata, perkara itu tidak akan menghadapi masaalah asalkan gabongan tersebut sanggup mengambil peranan yang efektif dan berkesan, sa-balek-nya yang tidak sehat dan mungkin menimbulkan masaalah ia-lah joint-venture sa-chara 'Ali Baba' atau 'sleeping-partner'.

"Ini tidak akan memberikan kesan sama sekali kapada gabongan ini baik dari segi business development-nya mahu pun dari segi credibility-nya," jelas Pengiran Ismail.

Pengiran Ismail juga mengingatkan supaya gabongan itu memahami dan menjauhkan sikap di-mana terdapat peniaga2 Melayu suka lebeh dahulu mengira keuntongan sa-belum satu2 projek yang di-laksanakan itu dapat di-selesaikan.

Dalam bidang perniagaan ujar-nya, banyak perkara yang kita tidak boleh elakkan terjadi dalam satu2 projek atau perniagaan itu di-jalankan saperti kenaikan harga barang.

"Kita mesti-lah berusaha untok mengelakkan atau sa-kurang2-nya mengurangkan effect2 perkara ini dengan menggunakan langkah2 atau management yang tertentu dan terator," jelas-nya. — MS.



# Hadhiri pertemuan di-K.L.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang pegawai Dewan Bahasa dan Pustaka Dayang Fatimah bte Haji Mohd Husain, Pegawai Bahasa Kanan dan Awang Haji Muslim bin Burut, Pemangku Ketua Pengarang (gambar atas) telah berlepas ka-Kuala Lumpur pada hari Rabu lepas untok menghadhiri Pertemuan Sasterawan Nusantara III yang berlangsong di-ibu negara Malaysia itu. Pertemuan itu di-adakan sa-lama empat hari mulai 4hb Disember ini.

Pertemuan tersebut di-anjorkan oleh Gabongan Penulis Nasional, Malaysia, GAPENA dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Ia-nya telah di-rasmikan oleh Yang Berhormat Tan Sri Ghazali Shafie Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Malaysia.

Di-samping itu, sembilan orang ahli2 Persatuan Asterawani telah juga menghadhiri pertemuan tersebut. Mereka di-ketuai oleh Ketua I persatuan itu Awang Sumadi Sukaimi yang mana juga membentangkan kertas kerja yang berjodol "Peranan Gerakan Masharakat Khusus-Nya Asterawani Dalam Perkembangan Bahasa dan Sastera Melayu di-Brunei". Manakala kedua orang wakil dari Dewan Bahasa dan Pustaka itu juga membentangkan kertas kerja sekitar yang berhubong dengan peranan DBP dalam bidang bahasa dan sastera di-Brunei dalam pertemuan tersebut.

# Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh sederhana rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa barang2 yang berikut di-bawah ini bermula dari minggu 3hb Disember, 1981.

**BANDAR SERI BEGAWAN**

1. PUSU KERING—$5.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Sharikat H. Abd. Rahman
      No. 94, Jalan Chevalier,
   b) Chee Guan
      No. 4, Jalan McArthur,
2. KULAT KERING (bertangkai)—$2.30 sa-tahil boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Chop Nam Fung
   No. 114, Bangunan Guru2.
3. BAWANG BESAR — 90 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Ming Thai Company
   No. 32, Jalan Sultan.

**KUALA BELAIT**

1. PUSU KERING — $5.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   a) Chion Kee
      No. 1A, Jalan Pretty.
2. KULAT KERING (bertangkai) — $2.70 sa-tahil boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Yick Yuen
   No. 3, Jalan Pretty,
4. BAWANG BESAR — $1.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Koh Kit Hin
      No. 28, Jalan Pretty,
   b) Sharikat M. Haji
      Chinese Chamber of Commerce,
   c) Ng Ming Hong
      Chinese Chamber of Commerce,

# Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak Dari 9hb. hingga 15hb. Dis. 1981

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Serasa | 9.12.1981 | Rabu | 10.00–10.30 pagi |
| Sekolah Melayu Mentiri | 9.12.1981 | Rabu | 10.45–11.15 ,, |
| Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar | 9.12.1981 | Rabu | 11.30–12.00 T/Hari |
| Sekolah Melayu Awang Haji Mohd. Yussof, Kati Mahar | 12.12.1981 | Sabtu | 8.30– 9.30 pagi |
| Penjara Jerudong | 12.12.1981 | Sabtu | 9.45–10.45 ,, |
| Sekolah Melayu Muladt | 12.12.1981 | Sabtu | 11.00–12.00 T/Hari |
| Sekolah Melayu Birau | 12.12.1981 | Sabtu | 1.30– 2.30 petang |
| Sekolah Melayu Kiudang | 12.12.1981 | Sabtu | 2.45– 3.45 ,, |
| Sekolah Melayu Lamunin | 12.12.1981 | Sabtu | 4.00– 5.00 ,, |
| Di-hadapan Rumah Penghulu Mukim, Kampong Serasa | 13.12.1981 | Ahad | 9.00–10.00 pagi |
| Kawasan Rumah Ketua Kampong, Masjid Lama | 13.12.1981 | Ahad | 10.15–11.15 ,, |
| Berhadapan Kedai, Pekan Muara | 13.12.1981 | Ahad | 11.30–12.00 T/Hari |
| Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara | 14.12.1981 | Isnin | 1.45– 2.45 petang |
| Sekolah Melayu Haji Mohd Salleh, Sungai Hanching | 14.12.1981 | Isnin | 3.00– 4.00 ,, |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg Menengah) | 15.12.1981 | Selasa | 9.15–10.15 pagi |
| Sekolah Melayu Anggerek Desa | 15.12.1981 | Selasa | 10.30–11.30 ,, |
| Sekolah Ugama Haji Mohd. Jaafar, Kiulap | 15.12.1981 | Selasa | 2.45– 3.15 petang |
| Di-hadapan Rumah Penghulu Mukim, Kampong Gadong. | 15.12.1981 | Selasa | 3.35– 4.05 ,, |
| Sekolah Persediaan Inggeris, Sengkurong | 15.12.1981 | Selasa | 4.30– 5.30 ,, |

# AJARAN SESAT

## Bahagian V

## Iktikad Puak Batiniyah (Sambongan)

**YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........**



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mufti.

(PADA kali ini kita siarkan lagi lanjutan perkara salah dan batil yang di-iktikadkan oleh Puak Batiniyah — Penyunting).

**Siri ke-108**

### 9 — SHARI'AT ADA MEMPUNYAI BATIN

PUAK Batiniyah mengatakan bahawa shari'at (ugama) itu ada mempunyai batin. Dan menurut mereka tiada-lah di-ketahui akan batin itu melainkan oleh imam mereka atau penolong2-nya. Begitu juga pada iktikad mereka apa yang di-sebutkan mengenai perkara bangkit dari kubor dan berhimpun di-Padang Mahshar serta lain2 sa-umpama-nya itu ada-lah semua-nya misal atau tanda yang menunjokkan pada perkara batin. Maka dengan itu mereka antara-nya mentafsirkan erti mandi itu ia-lah membaharukan ikatan setia dengan imam. Erti jiwa pula ia-lah berkata2 kapada orang2 yang tiada mengetahui perkara batin. Erti zinah ia-lah memberi tahu kapada mereka yang tiada tahu akan maana-nya. Bersuchi pula erti-nya berlepas diri dari segala mazhab yang bertentangan dengan mazhab Shafie. Tayammum pula bermaana mengambil ilmu daripada ma'zun (penolong imam). Sembahyang pula bererti berdoa kapada imam (pemimpin). Zakat pula bermaana memberi ilmu kapada orang yang berhak menerima-nya. Puasa pula bererti menyembunyikan ilmu daripada puak zahir sa-suatu (yang bukan Batiniyah). Haji bermaana menchari ilmu yang bergerak akal kapada-nya. Ka'abah bermaana Nabi. Bab bermaana Ali. Safa itu juga maana-nya Nabi sa-bagaimana Marwah juga bermaana Ali. Miqat bermaana imam dan Talbiyah bermaana menyahut panggilan pendakwah kapada Puak Batiniyah itu. Sementara Tawaf tujoh kali di-Kaabah erti-nya tawaf dengan Muhammad sa-hingga sempurna 7 orang imam mereka. Sembahyang suboh jalan menunjokkan kapada Al-Sabiq ia-itu salah satu daripada tuhan mereka sa-bagaimana sembahyang Zohor menunjok kapada tuhan mereka yang bernama Al-Tali. Sembahyang Asar menunjokkan kapada Al-Asas ia-itu orang yang akan mengganti imam mereka. Sembahyang Maghrib menunjokkan kapada An-Natiq. Dan sembahyang Isha' menunjokkan kapada Al-Imam.

### 10 — SEMBAHYANG SA-TAHUN SEKALI

MENURUT Puak Batiniyah lagi sembahyang itu di-fardhukan tiap2 sa-tahun sekali. Barangsiapa sembahyang sa-tahun sekali maka ia telah mendirikan sembahyang dengan tiada payah melakukan-nya berulang-ulang sa-bagaimana hal-nya dengan zakat yang sa-tahun sekali. Sebab menurut mereka zakat dan sembahyang itu ia-lah taat kapada Muhammad dan Ali, maka barangsiapa yang taat kapada kedua mereka ia telah mendirikan sembahyang dan membayar zakat.

### 11 — ERTI SHURGA DAN NERAKA

MENURUT mereka neraka jahanam itu erti-nya melepaskan tanggongan ibadat daripada saseorang. Dan tanggongan mengerjakan ibadat itu ada-lah di-letakkan pada orang yang tiada mengerti ilmu batin. Sementara shurga pula bermaana ilmu Al-Batin dan dengan itu mereka ia-lah ilmu Az-Zahir. Mengenai pintu2 shurga mereka memaanakan-nya sa-bagai susunan darjat2 ilmu batin dan sa-bagai hikmat darjat ilmu batin.

### 12 — IBLIS DAN ADAM

IBLIS DAN ADAM menurut mereka ia-lah Abu Bakar dan Ali dan dia itu buta sebelah mata kerana ia hanya melihat dengan ilmu zahir. Sementara Ya'juz dan Ma'juz ia-lah puak yang memegang zahir sa-suatu.

### 13 — YANG HARAM MENJADI HALAL

MEREKA mengatakan segala apa yang di-haramkan oleh shara' itu ada-lah halal dan harus pada mereka. Dan tiap2 yang zahir itu ada mempunyai batin saperti hal-nya telor itu konon-nya ada batin dan zahir, yang zahir-nya semua orang mengetahui tetapi yang batin-nya hanya di-ketahui oleh sedikit orang. Dan orang yang sedikit itu ia-lah orang yang lebeh afdhal.

### 14 — APABILA MEREKA MATI

MENURUT mereka orang mukmin ia-itu mereka apabila mati dan di-bersehkan badan-nya maka tinggal-lah lembaga yang berseh saperti rupa orang itu dia berdiri di-pintu imam yang ada pada masa-nya itu. Dengan chara itu-lah pada iktikad mereka sa-seorang mukmin boleh selamat. Dan menurut mereka lagi orang yang bukan mukmin ia-itu orang yang mendengar seruan imam mereka tetapi tiada menyahut seruan mereka maka zat-nya menjadi gelap berupa saperti rupa binatang bernyawa. Apabila ia di-pindahkan dia pun berkeloh kesah menchari tempat selamat tetapi tiada mendapati-nya melainkan gelap sengsara belaka. Maka roh-nya pun menchari jasad-nya dan di-dapati-nya jasad-nya telah binasa bertabor dalam angin dan di-tanah2 lapang serta di-tempat2 najis, jikalau ia berjumpa manusia yang jahat maka masok-lah ia ka-dalam-nya lalu menyerang-nya dan itu-lah nama-nya gila.

SEMENTARA mengenai jin pula mereka mengatakan-nya sa-bagai rupa2 mereka yang burok ia-itu rupa orang2 yang menentang pendakwah2 Batiniyah. Mereka itu bertempat di-tanah2 lapang dan tempat2 yang burok.

DEMIKIAN-LAH sa-chara rengkas perkara2 salah dan batil dalam iktikad puak Batiniyah. Semua-nya berdasarkan ta'wil yang palsu dengan mengabui mata orang yang dapat mereka tipu. Sebab ada di-antara orang yang menyangka orang2 Puak Batiniyah itu tahu akan Al-Koran dan hadith pada hal mereka tiada pun memperchayai-nya menurut yang sa-benar-nya.

*WALLAHU A'ALAM.*

---

# *Banyak bertanya ilmu bertambah*

**Oleh: Jahri Haji Abdul Latif**

PEKAN BANGAR. — Pegawai Ugama Kanan, Awang Haji Abdul Aziz bin Juned menyeru umat Islam supaya memberi kerjasama dalam membantu usaha2 Jabatan Hal Ehwal Ugama pada meningkatkan fahaman berugama di-negeri ini.

Kerjasama itu, menurut Awang Haji Abdul Aziz, sa-tiap orang Islam mesti-lah berbuat sa-suatu untok menolong diri mereka masing-masing dalam memahami ilmu ugama dan hukum-hukum shara'.

"Mereka boleh berbuat demikian bila2 masa," kata-nya "ia-itu dengan meningkatkan kegemaran suka bertanya mengenai masaalah2 ugama kapada pehak2 yang berkenaan ia-itu Mufti Kerajaan."

Awang Haji Abdul Aziz menekankan seruan-nya itu sa-masa beruchap di-majlis Penutop Kelas Khas Pelajaran Ugama bagi saudara2 baru di-samping majlis penutop Kursus Pendakwah bagi 90 orang pegawai2 dan kaki-tangan kerajaan, bertempat di-Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohammad Bolkiah pada hari Sabtu minggu lalu.

### BESAR FAEDAH

Menggemari bertanya masaalah2 ugama itu, menurut Awang Haji Abdul Aziz, sangat besar faedah-nya di-samping boleh menolong mendalamkan lagi fahaman berugama di-kalangan umat Islam di-negeri ini.

Tetapi kechenderongan bertanya masaalah ugama di-negeri ini, menurut pendapat beliau amat sedikit sa-kali; apa-tah lagi untok menjadi sa-bagai tradisi saperti di-negara2 Islam yang lain.

Hal ini sangat merugikan, malah kata-nya kurang menolong usaha2 kita ka-arah meningkatkan fahaman berugama yang sempurna.

"Oleh kerana itu, mengambil peluang di-majlis yang berkat ini, suka-lah saya membuat seruan supaya dari sekarang kita umat Islam di-Brunei ini meningkatkan kegemaran bertanya masaalah ugama, kerana dengan bertanya itu akan menghapuskan keraguan, menambahkan ilmu dan menunjokkan kita jalan yang lurus dan hak," jelas-nya.



AWANG Haji Abdul Aziz menyampaikan sijil kapada Awang Haji Mustapha bin Khamis, salah sa-orang muallaf yang mengikuti Kelas Khas Pelajaran Ugama anjoran Yunit Gerakan Dakwah. — Gambar ehsan JHEU.

Menyentoh dengan kejayaan Gerakan Dakwah Islam di-daerah ini menganjorkan Kelas Khas Pelajaran Ugama dan Kursus Pendakwah bagi pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan, beliau menegaskan, "kita jangan berpuas hati dengan-nya."

### TERPESONA

Sa-balek-nya, beliau mengingatkan agar kita tidak terpesona dengan kejayaan yang ada itu. Kerana, kalau kita terpesona, mungkin kata-nya, kita 'lalai dan banyak lupa.'

"Ingat-lah, kita umat Islam ini, suatu umat yang terlampau banyak musoh," jelas-nya. Di-negeri ini sahaja, menurut Awang Haji Abdul Aziz, pernah berbangkit ugama2 Qadiyani, Bahai dan freemissonary suatu pertubohan tua Yahudi yang amat sulit dan rahsia.

Dan, kemudian itu, menurut-nya lagi, timbul pula gerakan Massionary Kristian terutama-nya di-Daerah Temburong. Sementara akhir2 ini pula, kita pernah di-kejutkan oleh suatu kejadian ajaran2 sesat datang menziarahi Brunei.

"Shukor-lah kita dapat chepat membersehkan daki2 ini dari Brunei," kata-nya bershukor.

Dalam pada itu beliau sekali lagi mengingatkan orang ramai khusus-nya umat Islam supaya tidak menganggap sirna sa-ratus peratus 'komunism' di-bumi Brunei ini. Mungkin komunism itu, menurut-nya, maseh tidor atau pura2 tidor, atau pun tengah di-dalam perjalanan untok sampai ka-mari.



# MELAKSANAKAN HUKOM UGAMA DENGAN SIFAT YANG TERPUJI

SAYIDINA Ali Abi Talib Karamullah Wajhah pernah berkata yang kira2 erti-nya: *"Sa-sunggoh-nya bagi Allah di-muka bumi ini ada bijana yakni suatu perkakas untok mengisi sa-suatu. Ingat-lah bijana itu ia-lah hati yang ada di-dalam dada hamba2-Nya. Ada pun sa-baik2 hati itu ia-lah hati yang paling suchi, paling keras dan paling halus. Paling suchi erti-nya pada perkara2 keyakinan, paling keras erti-nya pada melaksanakan Ajaran Ugama dan paling halus erti-nya pada lemah lembut serta kaseh sayang terhadap sa-sama orang mukmin."*

Hati yang di-penohi dengan yakin tentu-lah merupakan hati yang paling baik yang menunjokkan iman yang tegoh dan kuat. Hati yang penoh yakin itu tentu-lah tiada di-champori oleh segala shak dan waham atau sa-barang keraguan mengenai dengan perkara yang wajib di-imani.

Rasulullah s.a.w., dalam sa-buah hadith telah bersabda: Erti-nya: *"Yakin itu ada-lah meliputi seluroh iman dan tiada sa-suatu pun yang turun dari langit yang sifat-nya yang lebeh mulia daripada yakin itu. Maka chukop-lah sa-orang itu merasa kaya manakala telah memileki keyakinan yang sa-benar2-nya."*

Kerana itu Rasulullah s.a.w., telah menggesa umat-nya supaya memohon doa meminta kapada Allah supaya di-korniakan hati yang yakin dan kesihatan yang baik. Sa-bagaimana sabda Baginda yang kira2 erti-nya: *"Mohon-lah oleh kamu kapada Allah akan keyakinan dan kesihatan sebab tiada sa-suatu yang di-berikan kapada sa-seorang sa-sudah mendapat keyakinan itu yang paling afdhal daripada kesihatan."*

### HUKOM UGAMA

Ada pun hati yang paling keras pada melaksanakan hukom2 ugama di-katakan sa-bagai satu sifat hati yang paling baik itu ia-lah kerana orang yang berhati demikian tetap tekun dan sabar dalam mengerjakan surohan2 ugama dan menjauhkan diri daripada melanggar larangan2-Nya serta sangat chemburu manakala hukom ugama itu di-nodai, atau di-hina atau di-anggap remeh oleh sa-siapa pun baik ia orang Islam atau bukan. Orang yang keras hati dalam "memigang" hukom itu akan selalu berchakap benar sekali pun di-rasakan pahit atau akan membahayakan diri-nya atau kedudokan-nya.

Bahkan dalam menegakkan hukom itu ia tiada mengambil kira atau chachi maki manusia terhadap diri-nya kerana yang di-tuju-nya hanya-lah karedhaan Allah bukan-nya keredhaan manusia. Allah Taala telah memuji orang2 yang bersifat demikian sabagaimana firman-Nya dalam Surah Al-Ma'edah ayat 54 kira2 maksud-nya: *"Mereka itu ada-lah orang2 yang berjihad pada jalan Allah dan mereka tiada takut akan chachian orang yang suka menchachi."*

Sayidina Umar bin Al-Khatab r.a., ada-lah sa-orang chontoh manusia yang paling keras memegang hukom sa-hingga Rasulullah s.a.w., pernah bersabda yang erti-nya: *"Orang yang paling kuat — dalam memegang ugama-nya di-antara kamu sekalian ia-lah Umar. Apa yang di-katakan ada-lah benar. Sedangkan tiada sa-orang pun yang dapat di-jadikan kawan pembantu-nya di-kalangan umat manusia."*

### PALING ADIL

Kerana itu Sayidina Umar r.a., ada-lah salah satu chontoh orang di-anggap paling adil dalam tindakan-nya di-kalangan sekalian umat manusia. Bagi-nya samada orang itu dari kalangan keluarga nya, atau sahabat handai nya atau orang yang tiada apa2 pertalian dengan-nya semua-nya di-beri perhatian, layanan dan perlakuan yang sama. Hukom Allah mesti berjalan sekali pun terpaksa menghadapi reaksi yang berat.

Ada pun sifat ketiga bagi hati yang paling baik ia-itu lemah lembut dan kaseh sayang terhadap sa-sama mukmin, amat penting di-tanamkan di-kalangan Umat Islam, kerana dengan ada-nya sifat ini tegoh-lah rasa persaudaraan sa-sama Islam, akan tertolong-lah orang2 lemah yang berkehendakan pertolongan dan akan terbela-lah nasib orang2 yang menghadapi penderitaan.

Rasulullah s.a.w., telah bersabda erti-nya: *"Orang2 yang bersifat lemah lembut dan kaseh sayang itu di-kasehi oleh Tuhan yang maha pengaseh, dan barang siapa yang tiada berlemah lembut dan kaseh sayang pasti-lah tiada di-kasehi oleh Allah."*

Daripada keterangan2 yang terdahulu itu tadi mustahak-lah kita memastikan diri kita dan keluarga kita masing2 supaya menanamkan sifat2 hati yang tiga itu tadi ia-itu hati yang suchi penoh dengan keyakinan, hati yang keras atau tegoh menjalankan hukoman2 Allah s.w.t., dan hati yang lemah lembut, sopan santun, dan kaseh sayang terhadap sa-sama orang2 mukmin.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 9hb Disember, 1981 hingga ka-hari Selasa 15hb Disember, 1981 ada-lah saperti di-bawah ini: —

| Hari Bulan | Dzuhor | Asar | Magrib | Isha | Imsak | Suboh | Matahari Terbit |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 9hb Dis | 12.18 | 3.36 | 6.13 | 7.28 | 4.44 | 4.59 | 6.17 |
| 10hb Dis | 12.18 | 3.36 | 6.13 | 7.28 | 4.44 | 4.59 | 6.17 |
| 11hb Dis | 12.20 | 3.39 | 6.16 | 7.30 | 4.46 | 5.01 | 6.19 |
| 12hb Dis | 12.20 | 3.39 | 6.16 | 7.30 | 4.46 | 5.01 | 6.19 |
| 13hb Dis | 12.20 | 3.39 | 6.16 | 7.30 | 4.46 | 5.01 | 6.19 |
| 14hb Dis | 12.20 | 3.39 | 6.16 | 7.30 | 4.46 | 5.01 | 6.19 |
| 15hb Dis | 12.20 | 3.39 | 6.16 | 7.30 | 4.46 | 5.01 | 6.19 |

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

## Perarakan Maulud di-KB

KUALA BELAIT. — Pengerusi Perarakan Sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. bagi Daerah Belait tahun ini, Awang Ismail bin Apong, memaklumkan bahawa borang2 penyertaan bagi memasoki perarakan tersebut, sekarang boleh di-dapati melalui-nya di-Pejabat Kebajikan Belia dan Sokan di-sini.

Perarakan tersebut akan di-adakan pada hari Sabtu, 9hb Januari, 1982 bersamaan dengan 13hb Rabiel-Awal, 1402 Hijrah, bertempat di-Padang Besar Kuala Belait bermula pada jam 7.30 pagi.

Perarakan hari itu ada-lah terbuka kapada orang ramai, pendudok2 kampong, Jabatan2 Kerajaan, Sharikat2 Swasta, Persatuan2 Belia dan Kebajikan, Sekolah2 Kerajaan dan Misi, Kelas2 Dewasa Ugama, Melayu dan Muallaf.

Tiap2 pasokan hendak-lah mempunyai sa-ramai 20 hingga 80 orang ahli, dan jika lebeh dari satu pasokan, hendak-lah di-namakan pasokan 'A', 'B', 'C' dan seterus-nya. Salain dari itu, pasokan2 tidak-lah di-mestikan berpakaian seragam tetapi jika berpakaian seragam, ada-lah tidak di-benarkan memakai pakaian seragam yang menyerupai pakaian Pasokan2 Bersenjata atau Pulis.

Pasokan2 hendak-lah membawa sepandok yang panjang-nya tidak lebeh dari lapan kaki, di-hiasi sesuai dengan tujuan sambutan, dan hendak-lah di-bawa di-hadapan barisan. Pasokan yang mempunyai sepandok lebeh dari satu, hendak-lah mengator kedudokan-nya dengan sempurna, dan mereka hanya di-kehendaki membawa bendera yang di-benarkan oleh Kerajaan.

Penyertaan akan di-tutop pada 24hb Disember, 1981 — AP

# BERHATI2 JANGAN TERPEDAYA OLEH ORANG2 FASIK

**Bingkisan minggu ini**

TERSEBUT dalam hikayat lama, bahawa sa-orang lelaki telah di-tawarkan sa-orang hamba untok di-beli. Si-penjual yang menawarkan-nya itu memberi tahu yang hamba itu tidak mempunyai apa2 kekurangan kechuali ia berperangai suka memandai-mandai dengan mengada2kan perchakapan dan perbuatan orang. Lelaki itu tidak menghiraukan perangai burok tersebut lalu membeli-nya.

### BERCHADANG

Kemudian belum lama hamba itu tinggal bersama-nya; pada suatu hari ia memberi tahu isteri tuan-nya ia-itu isteri orang yang membeli-nya bahawa suami-nya itu tiada lagi mengasehi-nya dan berchadang akan berkahwin lagi dan memadukan-nya. Seterus-nya ia mengajarkan isteri tuan-nya itu konon-nya kalau isteri tuan-nya itu suka suami-nya tetap sayang dan menaroh kasehan kapada-nya serta membatalkan ranchangan-nya hendak berkahwin itu, maka ia hendak-lah menchukor sedikit janggut suami-nya dengan pisau waktu ia sedang tidur.

Isteri tuan-nya itu perchaya akan khabar tersebut dan bersetuju akan melakukan saperti yang di-tunjok ajarkan oleh hamba-nya itu. Kemudian hamba tersebut memberitahu pula suami perempuan itu dengan mengatakan yang isteri-nya itu ada mempunyai kekaseh lain dan berchadang akan dapat lepas bebas daripada-nya, kerana itu isteri-nya meranchang akan membunoh-nya pada malam itu juga. Dan hamba itu memberi tahu lagi bahawa kalau tuan-nya itu tidak perchaya, chuba-lah ia berpura2 tidur dan perhatikan bagaimana nanti isteri-nya itu akan membawa pisau chukor yang akan di-gunakan untok menyembelih-nya.

### PURA2 TIDOR

Mendengar perchakapan hamba-nya itu, lelaki tersebut perchaya. Dan apabila malam tiba dia berpura2 tidur. Tidak lama kemudian di-dapati-nya isteri-nya datang kapada-nya dengan sa-bilah pisau chukor. Apabila isteri-nya itu meletakkan pisau itu ka-bawah dagu-nya untok menchukor sedikit janggut-nya, dia sa-makin perchaya akan chakap2 hamba-nya, bahawa isteri-nya itu benar2 akan menyembelih-nya lalu ia segera merampas pisau itu dari tangan isteri-nya dan dengan serta merta, dengan pisau itu juga di-sembelih isteri-nya itu hingga mati.

Kemudian kaum keluarga isteri-nya itu datang dan menuntut bela lalu membunoh-nya. Maka terjadi-lah bunoh membunoh di-antara kaum keluarga suami isteri yang malang itu, hanya di-sebabkan oleh perangai jahat hamba mereka yang suka memandai-mandai membuat aduan dan memfitnahkan antara satu sama lain.

### TAULADAN

Demikian di-paparkan suatu hikayat lama untok di-jadikan tauladan. Dari apa yang di-cheritakan jelas kapada kita bahawa perangai suka memandai2 dan membuat aduan palsu ada-lah sama sifat-nya dengan menghasut dan membuat fitnah. Bahaya-nya amat berat. Ia bukan saja boleh terjadi dalam suasana hidup berumah tangga, malah harus terjadi dalam semua perkara termasok; antara sa-orang sahabat dengan sa-orang sahabat, antara sa-orang bawahan dengan ketua-nya dan sebagai-nya. Sebab itu-lah Allah s.w.t., menegah kita daripada mendengar chakap-chakap dari orang yang berperangai burok yang di-sifatkan sa-bagai fasik yang zahir-nya bersunggoh-sunggoh ikhlas sa-hinggakan sanggup bersumpah bagi menguatkan chakap-nya.

Oleh yang demikian berhati2-lah apabila menerima perkhabaran daripada orang yang fasik. Teliti-lah terlebeh dahulu dengan baik2 perkhabaran itu kerana di-takuti kalau di-terima bulat2 ia akan membenchanakan orang yang tidak berdosa dan tidak bersalah.

Firman Allah dalam Surat Al-Qalam ayat2 10 dan 11 kira2 bermaksud: *"Jangan-lah engkau ta'ati sa-tiap orang yang suka bersumpah dan menghina, suka menchela, berjalan membuat hasutan dan fitnah."*

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikir-kan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.

## RABU — 9HB. DIS.

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 NEW TOM AND JERRY
5.30 NATURE OF THINGS: "Wild Africa — Something New" (Episod terakhir)
6.00 BERITA AWAL
6.05 FALCON ISLAND
6.13 AZAN MAGHRIB
6.17 FALCON ISLAND — sambongan
6.35 SAYANG ADEK KU SAYANG

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 LOBO: "The French Follies Caper"
7.28 AZAN ISHA
7.32 LOBO — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
9.00 GIVE US A CLUE
9.20 HAWAII FIVE O: "Thdead the King's Shadow" McGarrett di-tugaskan oleh sa-orang kaya untok mengawasi anak perem-puan-nya Debbie supaya jangan ber-temu dengan teman lelaki-nya David. Pada satu ketika mereka dapat melari-kan diri menyebabkan ayah Debbie me-merentahkan supaya David di-tudoh mencholek anak-nya. Tetapi McGar-rett bertindak untok menyelamatkan David dari dendam ayah Debbie.
10.10 TAYANGAN GAMBAR: "The Wackiest Ship in the Army"
11.40 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 10HB. DIS.

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 BERITA AWAL
6.05 DRAK PACK: Perilous Plunder of The Pirate's Park.
6.13 AZAN MAGHRIB
6.17 DRAK PACK — sambongan
6.35 EVOLUTION: "Induced Mutation In The Labora-tory"

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 BUCK ROGERS IN THE 25TH CENTURY "Flight of The War Witch" Bhg 2 (Episod terakhir)
7.28 AZAN ISHA
7.32 BUCK ROGERS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHATETAN KITAB2 DAN BUKU2 UGAMA DI-BRUNEI
8.40 HIDAYAT
9.10 DUNIA MINGGU INI
9.40 TO THE MANOR BORN: Ep. 6
10.05 WALKING TALL: "The Fire Within" — Episod terakhir dalam siri ini.
10.55 DYNASTY: Kesah masharakat yang merangkumi emosi, hawa nafsu, kekayaan dan ke-kuasaan di-samping perchintaan dan pertelingkahan.
11.45 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 11HB. DIS.

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 FOLLOW ME
5.15 CHILDREN'S SERIAL: "Captured"
5.30 THE LONE RANGER
6.00 BERITA AWAL
6.05 YOU ASKED FOR IT
6.16 AZAN MAGHRIB
6.20 YOU ASKED FOR IT — sambongan
6.30 MAGIC PALACE

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 SHIRLEY BASSEY
7.30 AZAN ISHA
7.34 SHIRLEY BASSEY — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 SERIKANDI
9.00 BENSON: First Lady
9.30 GUSTI
10.15 THE SWEENEY: "Jack O'Knave"
11.00 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 12HB. DIS.

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 BERITA AWAL
6.05 NEW POPEYE SHOW
6.16 AZAN MAGHRIB
6.20 NEW POPEYE SHOW — sambongan
6.35 MR MERLIN: "Cloning of the Green"



DARI KIRI: Al Corey sa-bagai Steven Carrington, Pamela Sue Martin sa-bagai Fallon Carrington dan John Forsythe orang kaya Blake Carrington akan dapat di-saksikan dalam satu siri baru drama keluarga DYNASTY bermula esok jam 10.55 malam.

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 QUINCY: "Vigil of Fear"
7.30 AZAN ISHA
7.34 QUINCY — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 MARI MEMASAK
9.20 TAYANGAN FILEM MELAYU
11.15 BIG VALLEY: "The Battle of Mineral Springs"
12.00 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 13HB. DIS.

**PETANG**

2.00 PEMBUKAAN
2.02 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
2.14 SUSUNAN RANCHANGAN
2.17 IT'S NOW
3.05 BREAKING AWAY: King of The Quarry
3.50 HARPER VALLEY: The Reilly Girl
4.15 KAP KAP UDANG
4.45 BAGPUSS
5.00 SHAZAM
5.30 SCIENCE INTERNATIONAL
6.00 BERITA AWAL
6.05 FLASH GORDAN
6.16 AZAN MAGHRIB
6.20 FLASH GORDON — sambongan
6.30 STRIKER: No. 2

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 ENOS: "The Headhunter" — Episod terakhir.
7.30 AZAN ISHA
7.34 ENOS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 THIS WAY, THAT WAY, WHICH WAY
8.40 ONLY WHEN I LAUGH
9.10 SENANDONG SUKMA — Siaran Ulangan
9.40 EAST OF EDEN
10.30 ARMCHAIR THRILLER: "Dying Day"
11.00 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 14HB. DIS.

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 FOLLOW ME
5.15 NEW MIGHTY MOUSE
5.35 ANIMALS IN ACTION: "Fishing"
6.00 BERITA AWAL
6.05 TARZAN: "A Gun Of Jai"
6.16 AZAN MAGHRIB
6.20 TARZAN — sambongan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 HART TO HART: "Murder of Jonathan Hart"
7.30 AZAN ISHA
7.34 HART TO HART — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 THE LAST OUTLAW
9.40 WILDERNESS ALIVE: Australia's Deep North
10.00 KNOTS LANDING "Step One"
10.55 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 15HB. DIS.

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 HERE'S BOOMER: "Boomer And Miss 21st Century" Bahagian 1.
5.15 LITTLE BLUE
5.30 SPORT'S BILLY
6.00 BERITA AWAL
6.05 FAMILY HOUR FESTIVAL: "The Horrible Honchos"
6.16 AZAN MAGHRIB
6.20 FAMILY HOUR FESTIVAL — sambongan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE GREATEST AMERICAN HERO: "The Best Desk Scenario"
7.30 AZAN ISHA
7.34 THE GREATEST AMERICAN HERO — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 ARENA SOKAN
9.00 TAYANGAN GAMBAR: "Please Don't Eat The Daisies"
10.30 BOGNOR: "Let Sleeping Dog Die".
11.00 SIARAN TAMAT.



SIRI HARPER Valley hari Ahad depan akan membawakan episod berjodol: The Reilly Girl. David Tress (kiri) sa-bagai Stan Bayer dan Bridget Hanley, sa-bagai Wanda Taylor.

**intisari RTB minggu ini**



RANCHANGAN Persembahan Gambus kali ini akan di-isikan dengan Kumpolan Gambus 'Hayalan Teruna' dari Daerah Tutong, yang di-pimpin oleh Awang Ibrahim bin Haji Md Salleh dan di-ketuai oleh Awang Musa bin Mohd Said. Ranchangan ini saperti biasa akan bersama awda pada hari Jumaat, 11hb Disember, 1981 jam 9.00 pagi. Gambar menunjokkan kumpolan tersebut bergambar ramai semasa hendak membuat rakaman di-studio A.

# Sandiwara radio minggu ini:

## *"Rumah Baru Rumah Lama"*

## *karya Hadzri Abdul Talib, Ipoh*

SANDIWARA Radio Minggu Ini bertajok 'Rumah Baru, Rumah Lama' karya Hadzri Abdul Talib, Ipoh Perak, akan membawa kita ka-suasana rumah-tangga yang mempaparkan tentang hal ehwal ekonomi yang menimbulkan masa-alah pada pasangan suami-isteri yang berpendapatan rendah.

Selaku pasangan suami-isteri yang mendokong peranan penting dalam cherita kali ini ia-lah Zainah dan Aman yang bertentangan untok mendapatkan wang untok membiayai rumah baru yang mereka ranchang. Aman lebeh suka menjual atau menggadaikan barang2 kemas isterinya kerana bagi-nya untok menchari jalan lain saperti membuat pinjaman ada-lah mustahil kerana ia hanya-lah sa-orang pekerja bergaji hari.

Menurut ranchangan Aman, ia akan tetap mendirikan rumah baru dan rumah lama mereka akan di-baiki dan di-sewakan dengan harga $300.00 sa-bulan.

Rumah baru pun siap di-bena, Mizah anak perempuan mereka tidak sabar lagi hendak berpindah, tapi hal ini tergendala kerana belum ada bekalan ayer dan api. Zainah mahu mereka berpindah ketika bulan naik, walau machamana pun Aman kurang yakin dengan adat yang bagi-nya sudah lapok di-telan zaman itu.

Mereka semua sepakat tidak mahu menyewakan rumah baru itu dan Mizah meminta mereka adek-beradek perempuan di-satukan dalam sa-buah bilek yang berasingan dari adek-beradek lelaki mereka. Mizah minta bilek yang hanya dua buah di-rumah baru itu di-tambah menjadi tiga buah, walau pun emak-nya menentang.

Satu hari Mizah dan ibu-nya ternampak orang mengangkat barang2 ka-rumah baru mereka itu. Apa-kah motif di-sebalek perbuatan orang2 ini? Siapa-kah mereka ini? Untok mengetahui jawapan soalan2 ini, sila-lah awda pendengar mengikuti siaran sandiwara ini pada hari Ahad 13hb Disember, 1981 jam 12.00 tengahari yang akan di-terbitkan oleh Zainab Haji Mohd Taha.

# Radio, ibu yang tidak minta ayer susu-nya di-balas

RADIO Brunei sentiasa menampung hasil karya penulis tanah ayer. Hampir sa-suku abad Radio Brunei memainkan peranan-nya menyambut segala macham hasil karya penulis tanah ayer itu. Peranan-nya bukan sahaja sekadar menampung bagaikan bakul sampah, tetapi memperbaiki karya2 yang kurang bermutu atau karya2 dari penulis2 yang baru berjinak2 dengan alam penulisan. Radio berpandukan pengetahuan yang ada memproses skerip2 yang di-terima hingga ia tersiar ka-udara dalam bentok drama, cherpen, sajak, renchana dan lain2.

Ini bukan-lah satu penonjolan untok radio memukul gendang menchadangkan peranan-nya tetapi membentangkan kenyataan bahawa 90 peratus dari skerip2 yang di-gunakan oleh Radio dalam siaran-nya sa-tiap bulan ada-lah hasil karya penulis2 tempatan. Dan Radio menggunakan berpuloh-puloh skerip sa-bulan untok siaran-nya. Dan Radio bershukor kapada Tuhan kerana ia berdaya menyambut begitu banyak skerip2 hasil karya penulis2 tanah ayer, yang mana di-luar negeri peranan utama menyambut karya2 penulis itu ia-lah akhbar2, dan majallah.

Di-samping itu Radio Brunei juga tidak berniat hendak mendakwa bahawa ramai di-antara penulis2 tanah ayer yang berjaya hari ini pernah mengasah pena mereka di-Radio Brunei. Kerana apa-lah sangat yang akan di-sebut2 kalau hanya jasa itu chuma sa-besar biji pasir. Dan radio tidak berniat hendak mengakui diri-nya sa-bagai ibu kandong kapada ramai penulis, bimbang kelak di-sebut orang; kalau anak-anak sudah berjaya memang ramai orang yang ingin mengakui anak kapada mereka. Chuma terpulang-lah kapada si-anak sama ada dengan rela dan ikhlas hati mengakui radio ibu kandong atau ibu kandong itu sudah dapat di-tukar ganti. Dan radio sabagai ibu kandong yang melahirkan anak2 dari rahim perut-nya, hanya sentiasa mendoakan kebahagiaan anak2-nya siang malam kerana ibu sejati tidak pernah meminta supaya ayer susu-nya dibalas walau setitik pun.

# *IKAN MASAK PURI*

**Bahan2nya :**

- 1 kati ikan merah
- $\frac{1}{2}$ chawan minyak kelapa wangi
- 2 biji bawang besar di-hiris
- $\frac{1}{4}$ chawan tomato sos
- $\frac{1}{4}$ chawan ayer
- $\frac{1}{2}$ sudu makan gula tebu

**Rempah untok di-giling :**

- 20 batang lada kering
- 4 hiris halia muda
- 1 batang serai
- 2 biji buah keras bakar
- 2 biji bawang puteh bakar
- $\frac{1}{2}$ sudu teh belachan bakar
- $\frac{1}{2}$ sudu teh lada puteh
- 8 biji bawang merah
- 8 sudu teh kelapa, goreng sampai kuning kemudian tumbok

**Untok hiasan :**

- 2 biji bawang besar hiris bulat
- 2 biji tomato hiris bulat
- 2 biji lada merah
- 2 biji limau kasturi

**Peratoran-nya :**

Ikan sudah di-bersehkan champor dengan lada merah dan bawang perapkan satu jam. Dan goreng. Panaskan minyak dalam kuali, tumiskan bawang hiris sampai kuning, masokkan rempah yang sudah di-giling, bila sudah wangi masokkan tomato sos, masokkan satu chawan ayer gula tebu dan garam sa-chukop rasa, biarkan sampai pekat dan baru-lah masokkan ikan merah yang di-goreng tadi.

Tuangkan dalam piring bulat, taborkan di-atas-nya bawang besar yang di-rendam sa-lama satu jam, kulit limau kasturi yang di-hiris halus dan hiaskan-lah mengikut kesukaan puan2.

# RANCHANGAN TVP DARI 14HB. HINGGA 20HB. DIS.

### ISNIN — 14HB DIS.

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 498.
Ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 saperti BELON SI-MANIS, AMINAH, HALAMAN MENGAJAR, GAMBAR DARI RUMAH, HALAMAN MENYANYI dan CHERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 498.

### SELASA — 15HB DIS.

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 499.
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti NAIK KUDA, MENEKA BUNYI, PA' LONG, LIHAT DAN PERHATI, HALAMAN MENGAJAR dan CHERMIN SAKTI.
HALAMAN MENGAJAR Che'gu Rokiah akan mengajar gambar2 yang bermula dengan huruf 'p'.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 499.

### RABU — 16HB DIS.

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 500.
Ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 saperti MAIN BAKUL, GAMBAR DARI RUMAH, NAIK KUDA, PAPAN HIKMAT, BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.
Tajok Cherita Che'gu Rokiah ia-lah MUSANG DAN BANGAU.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 500.

### KHAMIS — 17HB DIS.

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 501.
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti BOLA TUMBOK, MAIN KIM, AMIN, MAIN KERUSI, HALAMAN MENGAJAR dan CHERMIN SAKTI.
HALAMAN MENGAJAR Che'gu Rokiah akan mengajar gambar2 yang bermula dengan huruf 'R'.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 501.

### JUMAAT — 18HB. DIS

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG.
Ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 saperti BOLA TUMBOK, LUKISAN DARI RUMAH, JIG SAW, HALAMAN MENGAJAR, MENYANYI dan CHERMIN SAKTI.

### SABTU — 19HB DIS.

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 502.
Ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 saperti BELON SI-MANIS, TEKA BENDA, SI-MANIS, DI-MANA TEMPAT-NYA, RUANGAN BINATANG dan CHERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 502.

### AHAD — 20HB DIS.

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG.
Dalam ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 saperti KETUA KESELAMATAN, TUNJOK BENDA, SI-MANIS, MENEKA BUNYI, HALAMAN BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.
Tajok Cherita Che'gu Rokiah ia-lah PAKAIAN BAHARU RAJA.



KEBERANGKATAN Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin (sekarang DYTM Paduka Seri Begawan Sultan) serta pembesar2 dari luar negeri pada 2hb Julai, 1961 ka-MPMB, di-Berakas. Gambar2 ehsan. — Haji Sulaiman HW.

# PERKEMBANGAN LATEHAN PERGURUAN DI-BRUNEI SEMENJAK TAHUN 1956

**MAKTAB Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah Gadong merayakan Jubli Perak-nya dalam minggu ini. Dalam tempoh 25 tahun, maktab tersebut banyak mengalami perubahan. Bersempena dengan Jubli Perak itu, Awang Jahri Haji Abdul Latif meninjau perkembangan maktab tersebut.**

TAHUN ini, merupakan tahun yang begitu 'significant' bagi 2,325 orang guru tempatan di-negeri ini, kerana ini-lah julong2 kali-nya pehak maktab perguruan mengadakan sambutan Jubli Perak-nya sempena penubohan maktab ini 25 tahun yang lalu.

Menurut sejarah-nya, sa-belum maktab perguruan di-tubohkan pada tahun 1956, bakal2 guru telah di-hantar menjalani kursus di-institusi2 perguruan di-luar negeri saperti di-Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjong Malim (Perak), Malacca Women Training College (Melaka — bagi guru2 perempuan), Maktab Perguruan Kent, Tuaran (Sabah) dan di-Britain, Maktab Perguruan Kirkby.

## BAKAL2 GURU

Tetapi pada pertengahan tahun 1950an dasar melateh bakal2 guru di-negeri asing telah di-buat tinjauan oleh pehak2 berwajib bagi kemungkinan menubohkan maktab perguruan-nya sendiri. Hasil dari itu, dalam tahun 1956 penghantaran bakal2 guru ka-Maktab Perguruan Batu Lintang (MPBL) Kuching, telah di-berhentikan. Sebalek-nya, 22 orang penuntut termasok sa-orang perempuan yang di-tarek balek dari MPBL pada tahun itu telah meneruskan latehan perguruan mereka di-bangunan sementara di-Sekolah Melayu SMJA.

Selang sa-tahun kemudian, 1957, pengambilan (intake) pertama sa-ramai 20 orang pun di-mulakan. Tetapi mereka ini menjalani latehan perguruan mereka di-sebuah bangunan tambahan di-Maktab SOAS di-ibu negeri.

## BANGUNAN BARU

Oleh kerana perkembangan pelajaran yang pesat beberapa tahun kemudiannya, maka dengan sendirinya tenaga2 guru juga banyak di-perlukan. Untok mengatasi masaalah ini, sa-buah bangunan baru bagi maktab ini telah di-bena di-Berakas. Apabila siap pada tahun 1959, maktab ini berpindah ka-bangunan baru-nya itu, dan pada tahun 1960 nama maktab ini telah di-tukar menjadi Maktab Perguruan Melayu Brunei (MPMB) daripada nama asal-nya Pusat Latehan Perguruan Brunei (BTTC).

Bagaimana pun, apabila meletus-nya pemberontakan PRB akhir tahun 1962, bangunan MPMB itu dengan serta merta di-ambil aleh oleh kerajaan yang kemudian-nya di-jadikan sa-bagai pusat pemulehan dan tempat tahanan. Menurut sa-orang guru pelateh yang sempat menjalani latehan perguruan ketika itu menyatakan, sa-belum bangunan MPMB itu di-ambil aleh, ia-nya telah mengalami banjir yang paling terok sa-hingga memutuskan langsong latehan mereka dalam beberapa minggu.

Berikutan dengan kejadian tersebut, sa-kali lagi MPMB berpindah ka-bangunan Sekolah Melayu Berakas yang berdekatan dengan kawasan itu juga.

Sa-belum tahun 1963 penerimaan bakal2 guru pelateh hanya berkelulusan darjah enam, tujoh atau lapan di-Sekolah Melayu, dan yang bernasib baik untok menyertai latehan ada-lah yang di-pileh dari seluroh negeri melalui pepereksaan pemilehan.

Akan tetapi mulai tahun 1963 satu kursus perguruan sa-lama tiga tahun yang menggunakan Bahasa Melayu dan Inggeris sa-bagai bahasa penghantar-nya, telah di-adakan. Kursus yang di-kenali sa-bagai kursus 'B' ini melateh 22 orang lelaki dan tiga orang perempuan yang kesemuanya berkelulusan LCE/ SRP Malaysia.

## KURSUS BARU

Melihat dari kejayaan yang telah di-chapai dalam kursus 'B' itu, dan keperluan untok mengeluarkan guru2 yang berkelayakan mengajar di-sekolah menengah di-negeri ini, satu kursus baru yang di-kenali sa-bagai kursus A untok bakal2 guru yang berkelulusan MCE, GCE dan CSC telah pun di-mulakan pada tahun 1965. Kursus ini juga memakan masa sa-lama tiga tahun.

Di-samping itu, pada tahun 1966 MPMB yang di-tukarkan nama-nya (MP-SHB) buat pertama kali-nya telah menerima bakal2 guru yang bukan Melayu (khusus-nya yang memileki kad pengenalan merah) untok mengikuti kursus A dan B.

Di-sebabkan sambutan yang menggalakkan dalam kursus A, maka mulai tahun 1966 kursus C untok bakal2 guru pelateh telah di-berhentikan sa-chara berperengkat-perengkat.

Sa-bagai ganti-nya, satu kursus baru di-gelar kursus 'Sandwich' untok guru-guru yang sepatut-nya mengikuti kursus C ini telah di-perkenalkan. Kursus tersebut telah melibatkan kira2 400 orang guru2 pelateh di-seluroh negeri yang di-jalankan dari tahun 1967 hingga 1970.

## TINGGIKAN MUTU

Manakala pada tahun 1970 kursus B yang di-jalankan sejak tahun 1963 itu juga di-tiadakan. Penghapusan kedua-dua kursus B dan C itu, menurut pehak maktab, ada-lah bertujuan meninggikan lagi mutu latehan perguruan yang di-berikan oleh maktab tersebut. Dan, mulai dari tahun 1971, hanya mereka yang berkelulusan S.A.P., perengkat biasa dan yang sa-banding dengan-nya sahaja yang di-terima masok.

Pada bulan April tahun itu juga, maktab perguruan telah berpindah ka-kompleks baru-nya di-Gadong yang mana kompleks tersebut telah di-rasmikan sendiri oleh Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan pada 29hb. Januari, 1972.

Sa-tahun sa-telah kompleks baru ini di-dudoki, penerimaan chalon guru ka-kursus A dalam aliran Inggeris dan Melayu telah di-sharatkan kapada bakal-bakal guru terlateh, mereka mesti-lah mempunyai kelulusan SPM, STP/ MCE, GCE, HSC.

Sementara pada tahun 1974 MPSHB telah menerima kumpolan pertama bakal2 guru Melayu untok di-jadikan guru2 bahasa Inggeris di-sekolah2 Melayu, kursus ini di-kenali dengan kursus 'T' yang juga memakan masa sa-lama tiga tahun.

Dalam usaha untok memperbaiki perjalanan latehan perguruan MPS-HB dari semasa kesamasa, maka jawatankuasa Penyusunan Latehan Perguruan (PLP) yang di-bentok dalam tahun 1963 telah di-hapuskan, sa-balek-nya, sa-buah majlis — Majlis Penasehat Maktab (MPM) telah di-tubohkan pada tahun 1975 yang di-anggotai oleh beberapa orang pegawai2 tinggi kerajaan. Dan, pada tahun 1977 sa-buah Jawatankuasa Akademik Maktab juga telah di-tubohkan.

## DI-UBAH SUAI

Sejak maktab perguruan di-tubohkan dalam tahun 1956, nama-nya telah di-ubahsuai sa-banyak tiga kali. Bagaimana pun, nama maktab yang mula2 sa-kali bukan-lah nama maktab perguruan tetapi Pusat Latehan Perguruan Brunei (BTTC) 1957-1959, Maktab Perguruan Melayu Brunei (MPMB) 1960-1970 dan Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah (MPSHB) mulai 1hb. April 1971 hingga sekarang.

Sementara itu, pengetua2 yang pernah berkhidmat sejak 25 tahun lalu sa-ramai lapan orang. Awang Mohd. Yusof Mohammad ia-lah pengetua pertama pada tahun 1956, kemudian James P. Pearce (1956-60); Awang Mustafa bin Haji Tahir (1961); Awang Osman bin Bidin (sekarang Dato Paduka — 1961-1965); P.D. Parshad (1965-1975); Dyg. Misli bte Haji Awang (1976-1978); Awang Abdul Ghani bin Bujang 1978-1981) dan sekarang Awang Umar bin Haji Ahai.



BAKAL2 guru pengambilan ketiga tahun 1960 bergambar ramai dengan Pengetua MPMB, Awang James P. Pearce.



INI-LAH pensharah2 MPMB pada tahun 1960an bersama Pengetua dan Timbalan Pengetua MPMB, Berakas.



BANJIR yang melanda MPMB ini berlaku pada awal tahun 60an.

**MAJLIS TAKLIMAT** LIPUTAN: JAAFAR IBRAHIM

## Kemerdekaan 1983:

# SOAL PERALEHAN KUASA MEMERENTAH TIDAK PERLU DI-BANGKITKAN — K.P.P.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ketua Pegawai Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman menegaskan bahawa Kemerdekaan yang akan di-chapai oleh negeri ini dalam tahun 1983 ia-lah pada mengambil aleh semula tanggong-jawab antarabangsa sa-penoh-nya sa-bagai sabuah negara yang berdaulat lagi merdeka.

Dengan lain perkataan, kata-nya, kita akan mengambil aleh tanggong-jawab dalam hal ehwal pertahanan dan luar negeri dari Kerajaan British sementara hal ehwal dan urusan pemerentahan dalam negeri telah pun sedia kita kuasai sa-chara yang berkesan.

### AMBIL ALEH

Awang Haji Badaruddin menegaskan demikian ketika beruchap memberikan taklimat kapada 30 orang pendudok2 Mukim Berakas dan Gadong di-Majlis Taklimat Penerangan di-sini baru2 ini.

Maka dengan yang demikian, kata beliau, soal peralehan atau pengambilan aleh kuasa memerentah tidak perlu di-bangkitkan kerana kuasa memerentah yang tertinggi bagi negeri ini terletak dalam tangan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei saperti yang di-peruntokan oleh perlembagaan dan bukan-nya dalam tangan Kerajaan British.

"Demikian-lah kedudokan yang sa-benar-nya dan yang sentiasa akan di-tegaskan untok raayat dan pendudok2 negeri ini mengetahui-nya dan ada-lah di-harapkan dengan pengetahuan itu akan dapat pula mereka mengelakkan diri daripada sabarang kekeliruan," tegas-nya.

### SANGAT PENTING

Pengambilan aleh tanggong-jawab dalam hal ehwal pertahanan dan luar negeri daripada Kerajaan British itu, kata Ketua Pegawai Penerangan, ada-lah merupakan satu perkara yang sangat penting dan menchabar sa-genap keupayaan kita dalam usaha untok menegakkan kedaulatan negara serta segala isi2 di-dalam-nya.

Dalam hubongan sa-demikian, tambah Awang Haji Badaruddin itu lagi, ia-nya memungkinkan akan mempengarohi sikap dan chara pengendalian serta tindakan dalam hal ehwal negeri keselurohan-nya.

"Tanda2 pengaroh sa-demikian itu dapat di-kesan dari langkah2 yang di-buat atau keputusan2 yang di-ambil dalam bidang-bidang tertentu sejak akhir2 ini," jelas beliau sa-lanjut-nya.

Walau bagaimana pun, kata Ketua Pegawai Penerangan itu lagi, kita jangan-lah melupakan bahawa soal yang utama dalam kita menempoh kemerdekaan tersebut ia-lah keazaman raayat untok mengambil peranan pada membangun dan memajukan negeri ini di-samping mempastikan bahawa kita dan negeri kita akan memasoki era merdeka itu dengan selamat, sempurna dan terhormat sa-bagaimana yang di-hasratkan dan di-chita2kan.




KETUA Pegawai Penerangan, Awang Haji Badaruddin ketika menjawab soalan salah sa-orang peserta di-majlis tersebut.

## Pembenaan jalan-kechil:

# MEMBERI KESENANGAN PENDUDOK KAMPONG

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pejabat Daerah Brunei dan Muara sejak tahun 1963 hingga 1981 telah membena jalan2 kechil bagi Mukim Berakas dan Gadong sa-jumlah lebeh 40 batu.

Bagi Mukim Berakas, jalan2 kechil yang di-buat oleh pejabat tersebut ia-lah sa-jumlah 13 batu, 470 rantai daripada-nya maseh lagi dalam pemeliharaan pejabat berkenaan dan sa-lebeh-nya 585 rantai telah di-serahkan kapada Jabatan Kerja Raya untok pemeliharaan sa-lanjut-nya.

### JALAN KECHIL

Sementara bagi Mukim Gadong pula, jalan2 kechil bagi mukim ini ia-lah sa-jumlah lebeh daripada 27 batu, 183 rantai maseh dalam di-bawah jagaan Pejabat Daerah dan sa-lebeh-nya 1,988 rantai kini telah di-serahkan kapada JKR.

Demikian telah di-umomkan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar ketika memberikan taklimat kapada 30 orang pendudok2 Mukim Berakas dan Gadong yang menyertai siri taklimat anjoran Bahagian Penerangan di-sini baru2 ini.

Jalan2 kechil yang di-sediakan oleh kerajaan bagi kedua2 mukim tersebut, tambah Dato Haji Abdullah ia-lah sematamata bertujuan untok



Dato Paduka Haji Abdullah.

memberikan kesenangan kapada pendudok2 di-sekitar-nya untok kegunaan sa-harian.

Menurut-nya lagi, jalan2 kechil yang telah di-serahkan kapada JKR, Bahagian Jalanraya ia-lah ber-

Lihat muka 12

# Projek jalan pantai Muara-Tutong di-jangka siap akhir 1983

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jurutera Kanan Jalan Raya, Awang Nordin bin Yusof berkata bahawa ranchangan kerajaan melalui Jabatan Kerja Raya yang berjalan pada masa ini ia-lah projek Jalan Pantai ia-itu dari Muara ka-Tutong yang sekarang ini pembenaan-nya sedang ranchak di-laksanakan.

Projek jalan-raya sa-umpama ini, kata-nya ada-lah merupakan yang paling besar sekali di-jalankan di-negeri ini di-mana Jalan Pantai dari Muara ka-Jerudong di-jangka akan siap pada awal tahun 1982 sementara projek dari Jerudong ka-Tutong di-jangka akan siap pada akhir tahun 1983.

Menurut Awang Nordin, jalan-raya ini di-buat ia-lah untok memudahkan kenderaan2 berat men-jalankan pengangkutan yang berat dari Muara ka-Tutong dengan tidak payah melalui Jalan Berakas dan Jalan Gadong yang pada masa ini terlalu sebok sa-tiap hari.

### KESEBOKAN

Menegaskan demikian ketika memberikan taklimat kapada 30 orang pendudok2 Mukim Berakas dan Gadong di-majlis taklimat anjoran Bahagian Penerangan di-sini minggu lalu, Awang Nordin sa-terus-nya berkata bahawa projek jalan sa-demikian itu juga di-jangka akan dapat mengurangkan kesebokan terutama di-jalan2-raya Berakas, Gadong dan Kumbang Pasang.

Di-samping itu, di-kawasan Mukim Berakas ini, kata Awang Nordin, kerajaan juga berchadang untok membena jalan-raya yang menghubongkan kompleks bangunan jabatan2 Kerajaan yang baru bertempat di-Lapangan Terbang Lama di-sini.



Awang Nordin Yusof.

Jalan ini, tambah-nya lagi, akan di-sambong daripada Jalan Berakas yang telah di-lebarkan dan akan melintasi bahagian Selatan Kampong Perpindahan Burong Pingai yang mana tambah-nya jalan-raya di-bena bertujuan untok memberi perhubongan langsong dengan bangunan jabatan2 Kerajaan yang baru itu.

Walau bagaimana pun kata-nya, projek sa-demikian ini belum lagi di-laksanakan kerana terdapat-nya masaalah2 yang belum dapat di-selesaikan terutama masaalah2 tanah, akan tetapi bila masaalah2 ini telah selesai maka projek tersebut akan di-mulakan.

Menyentoh mengenai dengan ranchangan kemajuan jalan-raya di-Mukim Gadong pula, Kerajaan, tambah-nya juga meranchang untok melebarkan Jalan Gadong kapada empat lorong saperti di-jalan

Lihat muka 12



BERGAMBAR ramai dengan Ketua Pegawai Penerangan dan pegawai2 kanan yang memberikan taklimat.

# IBU NEGERI DI-PAG

Oleh: Jahri Haji Abdul Latif

Gambar2 oleh: Ak. Bahar

DALAM suasana Negeri Brunei akan menchapai kemerdekaan-nya, pembangunan negeri ini dalam berbagai aspek, terutama projek2 infrastruktur lebeh jelas akan di-laksanakan dengan pesat-nya terutama di-sekitar ibu negeri yang sememang-nya menjadi pusat pembangunan dan pentadbiran.

Bagaimana pun, dalam melaksanakan pembangunan infrastruktur negeri ini kerajaan tidak semata2 memusatkan perlaksanaan-nya di-sekitar ibu kota sahaja tetapi, sa-bahagian dari projek2 pembangunan itu memerlukan suasana dan kedudokan yang sesuai. Ini bermakna penglibatan tempat2 lain untok di-majukan dengan projek2 yang diranchangkan itu sudah sepatut-nya dapat melonggarkan kesesakan ibu negeri yang sedia ada dengan tapak yang sempit dan terhad untok di-perbesarkan.

Tetapi, dalam hal ini, kerajaan lebeh bijak dan amat teliti mengator segala infrastruktur pembangunan-nya terutama yang berhubong dengan kepentingan orang ramai, lebeh2 lagi kapada negara. Dan, yang kita pasti, segala pembangunan kerajaan yang dilaksanakan itu mengikut 'period' ranchangan2 lima tahun kerajaan yang ketiga kini masok ka-period ke-empat. Di-samping melambangkan kemajuan negara ia-nya juga bertujuan untok menambahkan lagi 'kestabilan' dan 'survival' suasana harmoni raayat dan pendudok negeri ini.

## PERHATIAN BERAT

Langkah2 kerajaan membena pusat kesihatan yang baru terletak di-atas bukit Kampong Kiulap itu menampakkan betapa perhatian berat kerajaan tentang kesihatan raayat-nya perlu sentiasa di-lingkongi oleh suatu suasana yang tenteram dan terhindar dari kesebokan kota di-samping di-liputi oleh hawa yang dingin dan jernih dari penchemaran. Untok membangunkan projek Rumah Sakit itu lebeh $50 juta telah di-belanjakan.

Dengan terdiri-nya kompleks kesihatan yang di-anggap terbesar dinegeri ini, kita penoh yakin apabila siap pembenaan-nya menjelang pertengahan tahun 1982, ia-nya akan memberikan perkhidmatan-nya yang lebeh ideal dan efficient, kerana rumah sakit ini di-fahamkan akan mempunyai kelengkapan perubatan yang moden dalam usaha memperbaiki taraf rawatan yang lebeh berkesan dan sempurna kapada pesakit2 dengan tenaga pakar2 perubatan tempatan dan berkontrek yang berpengalaman dan berkemahiran.

## BIDANG PELAJARAN

Di-samping kepentingan kesihatan, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga mengambil perhatian serius dalam bidang pelajaran. Sa-bahagian usaha itu dapat di-boktikan dengan terbena-nya beberapa bangunan baru sekolah2 menengah dan rendah di-negeri ini.

Awal tahun lalu, kerajaan telah melaksanakan projek Sekolah Menengah Melayu Sungai Kebun. Ia-nya di-bena di-satu kawasan tanah di-pinggir sungai yang bertambak sa-luas 22½ ekar di-Kampong Sungai Kebun dengan harga $35 juta.

Sa-bahagian daripada kompleks sekolah menengah ini di-bena di-kawasan perayeran. Apabila siap nanti, ianya akan menempatkan kira2 1,500 orang penuntut dari aliran Inggeris dan Melayu.

Pada mensejajarkan dengan perkembangan pesat pelajaran di-negeri ini, kerajaan juga mengemas-kinikan bangunan pentadbiran-nya. Terlatek di-Lapangan Terbang Lama Berakas, di-situ-lah ibu pejabat Jabatan Pelajaran baru akan di-tempatkan. Bangunan lima tingkat itu berharga lebeh $13 juta. Di-samping un
jaran, bangunan itu j
dongi penempatan
jabatan2 kerajaan ya
itu ia-lah Odit, Lem
Kenadziran dan Ke
Sokan.



## MAHKAMAH

Sementara untok
undangan di-negeri
ngunan baru Mahkan
berharga $21½ juta
kat awal pembenaa
bena berdekatan d
Rangas ia-itu di-Ka
Baru.

Pembenaan bang
Tinggi yang baru
menggantikan ban
yang terdapat sekara
sebokan ibu kota
mampu untok mena
perluan perlaksanaa
urus-kerja harian-n
bertambah. Apabil
awal tahun 1983,
mah Tinggi ini na
simbol kedaulatan d
dang2 negeri ini, y
jawab mengenai de
awam dari angkara
kara2 yang berhubo

## KEJADIAN J

Memandangkan
pula, yang semakin
leluasa di-kalangan
lia2) di-bawah um
bawah Duli Yang
mengambil langkah

**PEMBENAAN** k
pong Kiulap seda
pun siap (gamba

Sa-bahagia
yeran sudah siap

Bagaiman
(gambar bawah





# ARI OLEH PEMBANGUNAN

ıan Pela-
mengan-
angkaian
Jabatan2
ereksaan,
Belia dan

gan per-
uah ba-
gi Brunei
ı pereng-
a-nya di-
Jambatan
umbiling

ahkamah
-lah bagi
lama-nya
gah2 ke-
lah tidak
egala ke-
ıiran dan
semakin
nenjelang
Mahka-
menjadi
ngan un-
anggong-
ntingan2
dan per-
a-nya.

jenayah
akin ber-
akal (be-
aan Ke-
lia telah
u untok

memperbaiki sa-mula akhlak dan mental kanak2 yang terlibat itu.

Bagi tujuan ini, sa-buah Rumah Kebajikan bagi kanak2 nakal bernilai kira2 $6.9 juta telah di-bena di-satu kawasan di-Kampong Pulai, Jalan Kebangsaan. Pembenaan projek tersebut di-jangka siap akhir tahun ini.

Pelita Brunei di-fahamkan, Rumah Kebajikan ini mengandongi bilek2 penempatan bagi kanak2 yang menunggu perbicharaan (remand homes) bagi kira 40 orang lelaki dan perempuan, di-samping rumah penempatan terbuka (open home) bagi 60 orang, sa-buah surau dan sekolah.

Sementara itu, rumah itu juga difahamkan, akan memberi kemudahan penginapan sementara bagi orang2 chachat.

### STADIUM KEBANGSAAN

Dalam pada itu, negeri kita juga akan mempunyai Stadium Kebangsaan bertaraf antarabangsa. Kerja2 pembenaan-nya kini sedang giat di-laksanakan.

Menurut sumber tertentu, pada mula-nya projek ini di-amanahkan kapada Mitsubishi Jepun pada tahun 1979 dengan tawaran $85 juta tetapi kontrek ini di-tarek balek, dan kini diambil aleh pula oleh Sharikat Swee Sendirian Berhad dengan tawaran $79 juta.

Stadium Kebangsaan ini di-fahamkan boleh menempatkan kira2 30 hingga 40 ribu orang sekali gus. Di-samping untok kemudahan2 sokan kebangsaan dan antarabangsa, ia-nya juga sesuai untok perhimpunan2 raksaksa saperti di-musim2 sambutan hari2 kebesaran negara dan sa-umpama-nya.







mah sakit umom yang baru terletak di-atas bukit Kam-
aakan dengan lanchar dan sa-bahagian dari-nya telah

SMM Sungai Kebun yang di-bena di-kawasan pera-
n-nya.

pleks bangunan-nya di-darat masch giat di-laksanakan





BANGUNAN lima tingkat ini akan menempatkan lima buah jabatan2 kerajaan. Bangunan ini di-bena di-kawasan lapangan terbang lama Berakas (paling atas).

GAMBAR tengah menunjokkan kerja pembenaan bangunan Mahkamah Tinggi yang baru di-Jalan Tutong.

KOMPLEKS Stadium Kebangsaan sedang dalam pembenaan. Apabila siap nanti sudah barang tentu memberi semangat kesokanan kapada belia2 di-negeri ini. Kompleks ini juga di-jangka siap bulan Ogos tahun 1983.

SA-BAHAGIAN kompleks Rumah Kebajikan untok kanak2 nakal ini telah pun siap. Ianya di-jangka siap sepenoh-nya menjelang akhir tahun ini.

MAJLIS TAKLIMAT

LIPUTAN: JAAFAR IBRAHIM

# Kes2 zina dan khalwat meningkat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ketua Pegawai Pelajaran Ugama, Awang Haji Abd. Saman bin Kahar menegaskan, kes persetubohan haram di-seluroh negeri ini meningkat sa-hingga akhir tahun lalu sa-ramai 125 orang jika di-bandingkan dengan tahun 1957 hanya lapan orang.

Menegaskan demikian ketika beruchap di-Majlis Taklimat yang di-sertai oleh sa-ramai 30 orang pendudok Mukim Kampong Gadong dan Berakas anjoran Bahagian Penerangan, di-sini pada hari Rabu lepas, Awang Haji Abd Saman mensifatkan jumlah itu sa-bagai amat besar nisbah-nya kapada negeri kita yang termashor dengan kekukohan Ugama Islam.

KES KHALWAT

Kes sa-umpama ini jelas-nya, sa-bilangan besar-nya di-lakukan oleh orang bertunang atau orang yang belum bertunang yang maseh berkawan sahaja.

Menurut Awang Haji Abd. Saman, kes khalwat di-negeri ini juga telah meningkat sa-jumlah 73 orang tahun lalu dan telah di-hadapkan ka-Mahkamah Kadhi jika di-bandingkan tahun 1957 hanya sa-ramai tiga orang.

"Kes minuman keras pada tahun 1959 sa-ramai tiga orang tetapi tahun 1980 meningkat menjadi sa-ramai 64 orang. Kemudian kes makan minum di-siang hari di-waktu bulan puasa pada tahun 1961 hanya sa-ramai tiga orang dan meningkat pada tahun lalu hingga 31 orang," kata-nya lagi.

Menyentoh tentang perkembangan pelajaran, Ketua Pegawai Pelajaran itu berkata, bahawa sa-jumlah lapan buah sekolah ugama kekal telah di-dirikan oleh kerajaan di-samping sekolah2 orang2 kampong dan yang mendapat bantuan sekolah2 sementara.

PELAJARAN UGAMA

Tambah-nya, pelajaran ugama telah di-ajarkan di-sekolah2 ugama penoh sama ada pagi atau petang di-104 buah sekolah, di-samping itu pelajaran itu juga di-ajarkan di-sekolah2 Melayu, Inggeris dan Misi dengan menghantar guru2 ugama di-112 buah sekolah.

Apa yang menjadi masaalah besar dalam mengajarkan ugama di-negeri ini kata-nya, ia-lah tentang kekurangan guru2 yang terlateh di-mana kita hanya mempunyai guru2 sa-hingga pada masa ini termasok dari luar negeri sa-jumlah 762 orang.

Menjelaskan permintaan pendudok2 kampong supaya di-adakan darjah enam yang berdekatan dengan kampong2 mereka dan juga ada yang meminta supaya di-adakan sekolah2 sementara di-rumah penghulu2 atau di-Balai2 raya kerajaan yang ada, Awang Hj. Abdul Saman berkata, "Semua ini kami tolak sebab-nya tidak lain tidak bukan ia-lah tentang kekurangan guru yang mana mengikut perangkaan sa-hingga tahun 1983 jika sekolah2 ugama penoh, Melayu, Inggeris dan Misi di-masoki, kami maseh perlu kapada 360 orang guru."

"Sebab itu-lah selalu-nya borang2 permohonan terpaksa kami tolak sebab-nya kami yakin bilangan guru yang ada tidak boleh menampong kehendak2 tersebut, bahkan maseh banyak sekolah2 Melayu dan Misi yang belum ada guru2 ugama," jelas-nya.

Jumlah penuntut2 yang lulus dari Universiti Al-Azhar sejak Yang Berhormat Pehin Pengetua, tambah Awang Haji Abd. Saman, hingga tahun ini ia-lah sa-ramai 54 orang yang sa-bahagian besar-nya di-tempatkan di-bidang pendidekan.

## Tugas Mufti sa-bagai 'Kuasa Pemutus'

Dalam Majlis Taklimat yang di-langsongkan sa-hari suntok itu, Awang Haji Abdul Saman berkata, tugas Mufti dari segi jawatankuasa kehakiman kita merupakan sa-bagai kuasa pemutus ka-atas mana2 mahkamah bukan ugama.

Ini kata-nya, memandangkan rujokan yang selalu di-hadapkan oleh mahkamah2 berkenaan berhubong dengan soal2 ugama yang di-bicharakan dan tidak dapat di-putuskan.

Maka kuasa Mufti dalam perkara itu ujar-nya, akan di-rujok, dan Mufti selaku pengerusi jawatankuasa kehakiman mengeluarkan hukom-nya berdasarkan pandangan shara'.

"Dan lazim-nya sa-takat ini majistret tidak membantah pandangan atau petua2 Mufti. Di-sini-lah letak-nya penghormatan atau guna Mufti kita itu jika di-banding kapada negeri ini," kata-nya.

Menurut Undang2 Mahkamah Kadhi No. 20 tahun 1955 jelas Awang Haji Abdul Saman, Mufti ada-lah di-lantek oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan tugas mempengerusikan jawatankuasa undang2 untok mengeluarkan petua, dengan di-bantu oleh empat orang ahli yang lain.



AWANG Haji Abdul Saman (No 3 dari kiri) ketika memberikan taklimat. Di-sebelah kanan sekali ia-lah Timbalan Pengarah Perpindahan, Awang Haji Othman.

## Ranchangan perpindahan baru akan mempunyai berbagai-bagai kemudahan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Timbalan Pengarah Perpindahan, Awg Haji Othman bin Haji Yaakob menjelaskan bahawa Ranchangan Perpindahan/Perumahan Negara yang baru di-samping mempunyai kemudahaan2 lain ia-nya juga akan di-lengkapkan dengan dewan serba guna ia-itu saperti Bangunan Pusat Belia.

KEGIATAN SOKAN

Di-mana, tambah-nya, dewan sa-umpama itu bukan sahaja akan dapat di-gunakan untok kegiatan sokan bahkan akan dapat di-gunakan pada mengadakan aktiviti2 yang berfaedah ia-itu saperti kelas dewasa, kelas jahit menjahit dan urusan rumah-tangga, tempat mengadakan majlis2 dan sa-bagai-nya untok kebajikan dan menafaat masharakat di-dalam-nya.

Menurut-nya, pada menyenangkan anak2 bermain dan berhibor, Pejabat Perpindahan juga akan melengkapkan dengan membena tempat2 kawasan bagi kanak2 bermain. Di-samping itu kata-nya lagi, dalam ranchangan Perpindahan di-Lamba', Kanan, Pejabat Perpindahan juga berchadang untok membena kompleks Kolam Berenang (swimwing pool) bagi kegunaan2 yang tertentu.

Menjelaskan ketika menjawab soalan yang di-kemukakan oleh salah sa-orang peserta taklimat yang mengikuti siri taklimat anjoran Bahagian Penerangan Pejabat Setia Usaha Kerajaan di-sini pada hari Rabu lepas, Awang Haji Othman seterus-nya berkata bahawa ranchangan untok membena kompleks sa-umpama itu kini sedang di-ranchang dan akan di-hadapkan kapada pehak berkenaan untok mendapat kebenaran.

MENDAPAT PANDANGAN

Langkah2 sa-demikian ini di-laksanakan, menurut Timbalan Pengarah Perpindahan itu lagi, sesuai dengan hasrat dan matalamat perpindahan ia-itu semata-mata untok memperkukohkan kebahagiaan, keamanan dan kesejahteraan raayat serta isi2 di-dalam-nya.

"Dalam meranchang Perpindahan / Perumahan Negara yang baru ini, pehak kami telah mengundang hampir kesemua jabatan2 kerajaan untok mendapatkan pandangan, pendapat dan chadangan berhubong dengan ranchangan tersebut di-mana antara-nya termasok-lah Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan dan sa-bagai-nya," ujar Awang Haji Othman sa-lanjut-nya.

Terdahulu dalam cheramah-nya, Awang Haji Othman menjelaskan, bahawa kerajaan Kebawah DYMM telah berkenan supaya Ranchangan Perpindahan/Perumahaan Negara ini akan di-laksanakan sa-chara berperengkat ia-itu perengkat pertama bagi pegawai2 kerajaan Bahagian III, IV dan V, perengkat Kedua bagi orang2 awam puak jati Brunei dan perengkat ketiga bagi pendudok2 tetap negeri ini.

Permohonan2 borang perpindahan untok pegawai2 kerajaan telah di-edarkan pada awal tahun 1980 di-mana kata-nya, pemarkahan untok pemilehan chalun2 pun sudah siap di-usahakan oleh Jabatan Perpindahan.

"Pemohon2 yang berjaya bagi pemilehan pertama dalam perengkat pertama ini akan di-temuduga sa-belum nama2 mereka di-hadapkan kapada pehak berkenaan untok mendapat pertimbangan sa-lanjut-nya," jelas Timbalan Pengarah Perpindahan itu lagi.

PEMILEHAN CHALUN

Menurut Awang Haji Othman, lain2 kawasan perpindahan yang kemajuan mengukor permukaan bumi sudah berjalan pada masa ini ia-lah Kampong Pandan, Kuala Belait yang di-jangka akan siap pada bulan Mach 1982, Kampong Buki: Beruang, Tutong di-jangka siap pada bulan Ogos 1982, Kampong Ratie, Temburong dan Kampong Rimba Gadong yang kedua2-nya di-jangka akan siap pada bulan Mach tahun depan.

"Saperti juga dengan Ranchangan Lambak Kanan, kerja2 seterus-nya ka-atas kawasan2 perpindahan sa-umpama ini ada-lah mereka bentok pelan indok permulaan ia-itu satelah kerja2 mengukor permukaan bumi siap kelak," jelas-nya.

Menyentoh tentang ada-nya anggapan2 sa-tengah orang yang menganggap ranchangan perpindahan baru ini belum lagi di-laksanakan, Timbalan Pengarah Perpindahan itu berkata, bahawa anggapan sa-umpama itu ada-lah tidak berasas kerana kata-nya lagi, kerja2 yang sudah di-usahakan ada-lah kerja2 yang tidak boleh di-lihat oleh mata kasar ia-itu saperti membentok dasar, tujuan dan matalamat, mengkaji sifat bumi dan mengukor permukaan bumi.

"Tidak boleh di-nafikan kerja2 ini tidak dapat di-elakkan memakan masa yang panjang. Kerja2 yang akan boleh di-lihat oleh mata kasar saperti kerja2 tanah Insha Allah tidak lama lagi akan di-laksanakan. Pada kesimpulan-nya, sa-benar-nya Ranchangan Perpindahan/Perumahan Negara ini telah pun berjalan dengan baik dan lanchar saperti yang di-jadualkan," kata Awang Haji Othman.

## Menyediakan kemudahan2 awam

Dari muka 9

maksud untok di-pertinggikan taraf-nya terutama dari segi kekukohan ia-itu dengan membuboh aspal dan sa-umpama-nya menurut kemampuan serta kehendak2 yang di-perlukan.

Berhubong dengan peranan dan tanggong-jawab Pejabat Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Haji Abdullah menambah-kata bahawa jabatan-nya ada-lah berfungsi pada memberi dan menyediakan kemudahan awam di-samping sentiasa mengambil berat tentang hal-ehwal kebajikan pendudok2 dan raayat di-daerah ini.

"Pejabat Daerah Brunei dan Muara ada-lah juga merupakan pengasas bagi kemajuan dan perkembangan terutama di-kampong pendalaman dan di-luar2 bandar di-daerah ini yang lebeh memerlukan kemudahan2 asas bagi kegunaan dan kesenangan pendudok2 di-sana," ujar-nya lagi.

Di-samping itu, menurut Dato Haji Abdullah, Pejabat Daerah Brunei dan Muara juga bertindak sa-bagai perantaraan di-antara Penghulu2 dan Ketua Kampong untok menghadapkan apa2 jua masaalah dan kemuskilan yang berbangkit di-kampong2 kapada pehak berkenaan jika sekira-nya satu2 perkara itu tidak dapat di-selesaikan oleh Pegawai Daerah.

Berhubong dengan ada-nya sa-tengah ketua2 kampong dan penghulu2 yang kurang aktif dalam melaksanakan apa2 jua kegiatan, Dato Haji Abdullah telah meminta pendudok2 khas-nya pendudok2 Mukim Berakas dan Gadong supaya akan memberikan kerjasama kapada penghulu2 dan ketua2 kampong di-kampong masing2.

Kerana kata-nya, dengan berbuat demikian sahaja-lah baharu sa-sebuah kampong itu akan mendapat kemajuan baik dari segi sosial, masharakat mahu pun ekonomi yang mana semua-nya ini, tambah-ya lagi akan dapat meningkatkan lagi suasana ketenteraman dan keharmonian serta kesejahteraan pendudok2 sa-sebuah kampong.

## Langkah2 mengurangkan kesebokan jalan-raya

Dari muka 9

Berakas yang ada sekarang. Projek pembesaran jalan-raya tersebut, menurut Awang Nordin sedang giat di-laksanakan ia-itu dengan membuat 'survey road' di-bahagian selatan jalan berkenaan.

Sa-lain daripada itu, katanya, terlibat dalam ranchangan ini ia-lah pembenaan Jambatan Gadong yang juga akan membolehkan perjalanan empat lorong (four lane) menyeberangi sungai berkenaan.

"Rekabena bagi jambatan ini telah pun siap di-buat dan tender2 akan di-keluarkan tidak berapa lama lagi," ujarnya.

Sementara itu kata-nya lagi, jalan2-raya yang kini sedang dalam pembenaan bagi Mukim Gadong ini termasok-lah pembenaan jalan-raya dari Kampong Beribi yang menuju ka-Jalan Tutong (Batu Empat); Jalan Tungku yang menghubongkan kawasan Gadong dengan Jalan Pantai.

Kedua2 jalan sa-umpama itu, jelas-nya, akan memberikan kesenangan kapada kenderaan2 yang ingin pergi ka-Muara dengan tidak payah menggunakan Jalan Gadong dan Jalan Berakas.

Bagi mengurangkan kesesakan dan kesebokan jalan-raya di-Jalan Kumbang Pasang, kerajaan juga tegas-nya, akan berchadang membena jalan-raya baru yang menghubongkan di-antara jalan-raya di-Batu I, Jalan Tutong ka-Gadong.

"Rekabena bagi ranchangan ini telah pun siap di-buat dan pada masa ini pengambilan tanah sedang di-buat oleh Jabatan Tanah dan selesai sahaja masaalah ini Jabatan Kerja Raya akan menjalankan projek ini sa-chepat mungkin," ujar beliau sa-lanjut-nya.



# J-kuasa sekolah di-bentok

BERAKAS. — Sekolah Melayu dan Persediaan Inggeris/Ugama Amar Pahlawan telah melantek ahli2 jawatankuasa-nya yang baru bagi tahun 1981 — 1982, dalam satu mashuarat yang telah di-adakan pada hari Ahad lepas, 22hb. Nobember di-sekolah tersebut di-sini.

Mashuarat yang telah di-hadhiri oleh pendudok2 Kampong Jaya Setia, Jaya Bakti, Burong Pingai dan Berakas Estete itu telah melantek Pengiran Paduka Dewa Pengiran Hj. Momin bin Pengiran Md. Salleh sa-bagai Penaong, Penghulu Mukim Berakas, Hj. Ibrahim bin Abd. Rahman sa-bagai Penasihat I, sementara Ketua Kampong Burong Pingai Berakas, Haji Mohd. Yusof bin PDI. Haji Mokti telah di-lantek sa-bagai Penasihat II.

Ia-nya juga telah melantek Awang Mohd. Zain bin Haji Ghani sa-bagai Pengerusi; Timbalan Pengerusi, Awang Abdullah bin Chuchu; Setiausaha, Awang Md. Jafar bin Haji Abd. Wahab; Timbalan Setiausaha, Awang Abidin bin Mohd. Zain; Bendahari, Awang Haji Metali bin Abd. Razak; Pemereksa Kira2 I, Awang Juned bin Hj. Ramlee sementara Pemereksa Kira2 II ia-lah Ak. Yusof bin Pengiran Bakar.

Sa-ramai 10 orang Ahli Jawatankuasa yang mewakili kampong2 yang berkenaan dan Sekolah Melayu Amar Pahlawan juga telah di-lantek.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah berkenan melantek Pengiran Othman bin Pengiran Salleh menjadi Penghulu bagi Mukim Kiudang, mulai 1hb Disember, 1981.

Penyampaian surat lantekan kapada Penghulu baru itu telah di-lakukan oleh Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohd Hassan bin Haji Mohd Yusof, dalam satu majlis yang telah di-adakan baru2 ini di-Dewan Sekolah Melayu/Persediaan Inggeris Kiudang (gambar atas).

Pemangku Pegawai Daerah Tutong dalam uchapan-nya sabelum menyampaikan surat lantekan itu, antara lain telah mengingatkan pendudok2 mukim tersebut agar memberi sabarang bantuan dan kerjasama kapada penghulu mukim yang baru itu.

# *PERTIWI tuboh Sharikat Kerjasama*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-buah sharikat kerjasama yang julong2 kali keselurohan-nya di-kendali serta di-anggotai oleh kaum wanita telah di-tubohkan di-negeri ini.

Keputusan untok menubohkan Sharikat Kerjasama Persatuan PERTIWI, ini ia-lah di-persetujui dalam Mashuarat Agong-nya kali ke-12 pada April lalu.

Mashuarat Agong itu juga telah memberi mandat kapada jawatankuasa tertinggi untok membinchangkan peratoran2 dan menguruskan pendaftaran-nya.

Pada 8hb. Nobember lalu juga satu perjumpaan antara Pesurohjaya Kemajuan Kerjasama dan pegawai2-nya dengan ahli2 Jawatankuasa Tertinggi Persatuan PERTIWI telah di-adakan di-Bilek Persidangan Pusat Belia bagi membinchangkan tambahan peratoran dan urusan2 pendaftaran sharikat kerjasama tersebut. Sa-lain dari itu sa-buah Jawatankuasa Pengurus juga telah di-lantek.

Sa-bagaimana yang di-fahamkan bahawa sharikat kerjasama itu akan di-kendalikan sa-bagai Sharikat Kerjasama Serbaguna Pertiwi dan akan di-daftarkan di-bawah undang-undang Sharikat Kerjasama, 1975.

Sharikat Kerjasama Serbaguna Pertiwi akan mengendalikan dua chawangan perniagaan ia-itu Chawangan Perkhidmatan Bas dan Chawangan Rumah Sewa, sementara kegiatan dalam Taman Asohan Pertiwi yang sedang berjalan sekarang akan terus di-tadbir atas nama Persatuan PERTIWI.

Salah satu sharat untok memasoki sharikat kerjasama tersebut dan kedua-dua chawangan-nya ia-lah sa-seorang pemohon mesti-lah menjadi ahli Persatuan PERTIWI terlebeh dahulu. Ini ada-lah bertujuan untok mengekalkan identiti Persatuan PERTIWI yang pada asas-nya sa-buah badan sukarela yang bergiat dalam kerja2 kebajikan sosial.

# Gerakan merachun babi2 hutan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pertanian Brunei akan meneruskan gerakan memasang umpan bagi merachun babi2 hutan di-beberapa kawasan perkampongan di-Daerah Brunei-Muara bulan Disember ini.

Hari ini gerakan tersebut di-jalankan di-Kampong Masin, sementara gerakan yang sama juga akan di-jalankan di-Kampong Kapok pada 12hb Disember, Kampong Sengkurong 'A' pada 15hb Disember, dan Kampong Kulapis pada 19hb Disember, 1981.

Untok tujuan tersebut, pendudok2 kampong yang berkenaan ada-lah di-harapkan supaya dapat menyediakan ubi sa-bagai umpan. Mereka juga di-ingatkan bahawa ayer parit, sungai atau perigi, apabila gerakan itu di-jalankan, ada-lah merbahaya untok di-minum.

# *Ramai lagi berkursus*

BERAKAS. — Empat orang lagi anggota Pasokan Pulis Diraja Brunei telah berlepas ka-Hongkong pada 1hb. Disember untok menjalani kursus Outward Bound di-Sekolah Outward Bound di-sana.

Mereka ia-lah Awang Omar bin Haji Baha, Awang Abd. Rahman bin Haji Abd. Latiff, Awang Kadir bin Serudin dan Ak. Ludin bin Pengiran Matahir.

Sementara itu, sa-orang pegawai dari Jabatan Undang2, Dayang Magdalene Bong Lian Hua telah bertolak ka-Singapura akhir bulan lalu untok mengikuti kursus penempatan praktikal di-Pejabat Peguam Negara di-republik itu. Kursus tersebut akan berjalan sa-lama enam bulan.

Juga bertolak ka-Singapura baru2 ini ia-lah Hajiah Norsinih @ Rosni bte Dato Hj. Hamidon dari Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, yang akan menghadhiri kursus penempatan praktikal bagi sa-lama enam bulan, di-Bahagian Mata, Ministry of Health di-Singapura.

Tiga orang lagi kakitangan dari jabatan tersebut juga telah berlepas ka-Republik Singapura pada minggu lalu untok mengikuti kursus penempatan praktikal di-Kementerian Alam Sekitar bagi salama sa-bulan.

Mereka ia-lah Awang Serudin bin Jumat, Awang Abd. Majid bin Haji Chuchu dan Awang Punggut bin Ali.

Pasokan tersebut juga akan menghantar 5292 Kpl Kadir bin Sairan dari Battalion Pertama untok menghadhiri kursus No. 70 Regimental Signaller Standard I, bertempat di-Chawangan Semboyan, The School of Infantry, Warminster di-United Kingdom.

# TIGA DASAR PENTING UNTOK MEMAJUKAN SHARIKAT K-SAMA

**Oleh : Aisah Piee**

TEMBURONG. — Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Zakaria bin Haji Jeneh berpendapat bahawa ada tiga perkara yang menjadi dasar penting bagi memaju dan menjayakan sa-sebuah Sharikat Kerjasama.

Pertama, sa-sebuah Sharikat Kerjasama mesti-lah mempunyai ahli2 yang ramai, kedua mempunyai modal yang besar, sementara faktor ketiga yang paling penting mesti-lah mempunyai badan pengurusan yang chekap, terlateh, jujor lagi amanah serta ahli2 yang taat dan patoh kapada sharikat-nya.

## KEMUDAHAN

Beruchap ketika merasmikan Kursus Pengurusan Kerjasama bagi Daerah Temburong di-Dewan Kemasharakatan Pekan Bangar di-sini baru2 ini, Awg Haji Zakaria sa-terus-nya berkata yang Kerajaan sentiasa memberikan galakan dan kemudahan untok memajukan ekonomi kaum bumiputera yang penyertaan mereka dalam bidang ini pada ketika ini maseh jauh ketinggalan jika di-bandingkan dengan kaum2 yang lain.

"Kemudahan2 yang di-nekmati oleh sharikat kerjasama ada-lah dengan mendapat bimbingan dan tunjok ajar dari pegawai2 Jabatan Kemajuan Kerjasama, mendapat Skim Pinjaman dari Lembaga Kemajuan Ekonomi dan lain2 kemudahan saperti mengadakan Kursus Pengurusan Kerjasama dan yang berkaitan dengan-nya," jelas Awang Haji Zakaria.

## MENGGALAKKAN

Menyentoh mengenai kemajuan2 yang di-chapai oleh sharikat2 kerjasama yang tertuboh di-daerah itu, Pegawai Daerah Temburong itu menyatakan dengan berasaskan keterangan dan maklumat dari pehak Jabatan Kemajuan Kerjasama, sa-bahagian besar-nya ada-lah menggalakkan.

Bagaimana pun, katanya, skop atau peluang untok meninggikan dan memperbaiki-nya harus-lah di-selideki, mithal-nya di-segi keahlian, modal dan pengurusan, yang menjadi faktor penting dalam menjayakan sa-sebuah sharikat kerjasama.

Awang Haji Zakaria sa-lanjut-nya menyeru Penghulu2, Ketua2 Kampong dan mereka yang menghadhiri kursus tersebut supaya menarek lebeh banyak lagi anak buah atau pendudok kampong bagi menganggotai sharikat kerjasama di-kampong2 mereka.

Faedah2 menganggotai sharikat tersebut, tambahnya lagi, sa-lain dari menyenangkan ahli2-nya membeli barang2 keperluan harian dengan harga yang sederhana, mereka juga dapat menekmati kemudahan2 yang di-berikan oleh Kerajaan.

Dengan ada-nya modal yang besar serta tenaga pengurusan yang chekap dan berkemampuan, katanya, aktiviti2 perniagaan tidak akan terhad kapada menjual barang2 runchit, tetapi, jelas-nya, boleh di-pelbagaikan kapada memborong barang2 atau pengangkutan, yang mana peluang tersebut terdapat di-daerah itu.

Awang Haji Zakaria, terdahulu dari itu, mengharapkan agar kursus empat hari itu akan dapat memberikan kesan yang baik demi memesatkan lagi perkembangan sharikat2 kerjasama, dan beliau sa-terus-nya mengharapkan agar pentadbiran dan pengurusan sharikat kerjasama akan dapat di-perbaiki lagi melalui oleh2 dari kursus sa-umpama itu.

# Wakil Brunei di-beri penghormatan

**Oleh: Jahri Haji Abdul Latif**

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-orang Pegawai Ugama Kanan, Awang Haji Abdul Aziz bin Juned baru2 ini telah pulang dari Republik Singapura sa-telah menghadhiri sambutan Awal Muharram 1402 anjoran Persekutuan Seruan Islam Singapura (JAMIYAH), di-sana.

Pemergian beliau sa-lama lima hari ka-republik itu ada-lah bagi mewakili Kerajaan Brunei untok memenohi jemputan persekutuan tersebut. Turut menghadhiri sambutan itu termasok-lah wakil2 dari Indonesia, Malaysia serta negara2 Islam lain yang juga di-hantar oleh kerajaan masing2.

Menurut Awang Haji Abdul Aziz, wakil2 kerajaan yang di-undang telah di-beri penghormatan untok membacha khutbah di-masjid2 di-republik tersebut. Beliau, sa-bagai wakil kerajaan Brunei telah juga di-beri penghormatan yang sama.

## PERHIMPUNAN

Sa-masa di-adakan perhimpunan besar di-Masjid Aminah, kawasan Gelyang Serai, sekali lagi lima orang wakil negara yang di-undang termasok Brunei telah di-beri penghormatan untok menyampaikan sharahan masing2.

Perkara yang di-sentoh beliau ketika memberi sharahan di-perhimpunan itu, menurut Awang Haji Abdul Aziz, ia-lah berhubong dengan hijrah Nabi besar, Muhammad s.a.w., dan rumusan dari itu.

Kata-nya, beliau telah menganjorkan supaya sa-tiap umat Islam mempelajari dengan mendalam sejarah Islam terutama yang berkaitan dengan peri hidup Nabi Muhammad s.a.w., sahabat2 Baginda, raja2 Islam yang agong dan para alim Ulama.

Hanya dengan berbuat demikian, menurut beliau, umat Islam akan dapat menilai semula serta mengambil iktibar daripada keagongan Islam dan pemerentah2 Islam di-masa2 lampau.

Di-mana semua itu, jelas beliau, boleh mempengarohi semangat dan jiwa orang2 Islam untok menchapai kembali keagongan tersebut.

## PERBEDZAAN

Apabila di-tanya pendapat beliau tentang perbedzaan sambutan2 yang di-adakan di-Brunei, beliau menjelaskan, bahawa dari segi achara, kita di-negeri ini juga mengadakan sharahan2 dan cheramah2; bahkan arena kita lebeh luas. Kita mengadakan di-masjid2, sekolah2, maktab2 dan kampong2. Di-samping itu juga kita menggunakan mass-media sa-bagai tempat menyalorkan dakwah termasok achara2 sambutan tahun baru Islam sa-panjang bulan Muharram ini.

Hal ini, menurut beliau, jarang terdapat di-mana2.

Mengenai dengan pameran Sejarah Perkembangan Islam kurun ke-15 hijrah yang pernah di-adakan di-Brunei, menurut Awang Haji Abdul Aziz lagi, pameran sa-umpama itu tidak banyak negara Islam yang berjaya mengadakan-nya.

Tetapi kita di-sini telah mengadakan-nya sa-chara besar2an dan ini, ada-lah suatu pertanda yang kita mempunyai keupayaan dan potensi sa-bagai bangsa di-antara bangsa2 Islam di-dunia.

Bagaimana pun, beliau tidak memberikan komen-nya apabila di-tanya mengapa sambutan di-Singapura itu meriah dan hebat, sedang di-tempat kita tidak sa-hangat itu? Beliau hanya berkata: "Masing2 negeri mempunyai keadaan-nya yang berlainan."

# ranchangan2 RADIO

## WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam sa-tiap hari.

## TIAP2 HARI:

6.00–6.02 pagi : Allah Peliharakan Sultan
6.02–6.30 pagi : Sinaran Wahyu
6.30–8.30 pagi : Dendang Suria
Bingkisan Hari Ini
Suntingan Hidayah
Peringatan Harian
Panduan Sokan
Bertutor Dalam Bahasa Inggeris
12.00–12.45 T/H : Sajian Tengah Hari (Mempersembahkan lagu stereo)
7.30 malam dan
1.00 tengah hari: Majallah Radio, siaran asal dan ulangan (kechuali hari Khamis)
6.00 petang : Siri Mukkaddam
Bingkisan Hari Ini
Siaran langsong menunaikan sembahyang Fardhu Maghrib
10.15 malam : Bachaan Al-Kor'an
10.24 ,, Do'a Restu
10.29 ,, Allah Peliharakan Sultan.

## WARTA BERITA:

7.00 pagi (Berita2 dalam negeri)
10.00 pagi
12.45 tengah hari
1.30 t/hari (tiap2 hari Jumaat)
5.30 petang
8.00 malam
8.15 malam (Berita2 dalam Bahasa Dusun Iban)
9.30 Berita Dunia dari BBC London.

**Menyiarkan AZAN:**

Dzohor
Asar
Maghrib
Isha.

## SIARAN F. M. STEREO

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

## GELOMBANG SEDERHANA

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

### Hari Rabu 9hb. Dis.

PAGI :
7.30 Sudut Pelita
8.30 Rimba Raya
8.45 Persembahan Ku
9.00 Permintaan Pagi Rabu
10.15 Rampaian Joget
10.30 Surat Dari London
10.45 Riang Ria
11.00 Taman Mekar
11.30 Autograph Pendengar

T/HARI :
1.30 Seloka Merpati (SU).

PETANG :
2.00 Chitra Irama
2.30 Tahniah dan uchap selamat
3.15 Hiboran Petang
3.30 Bingkisan Tanah Ayer
4.00 Bangsawan di-udara
4.30 Dendang Deddy Dambudi
5.00 Serbanika Hiboran
5.45 Rampaian Asli.
6.40 Irama Dakwah

MALAM :
7.00 Rangkaian Lama dan Baru.
8.30 Permintaan Sukaramai
9.45 Kenangan Mengusik Jiwa

### Hari Khamis 10hb. Dis.

PAGI :
8.30 Ruangan Kitani
9.00 Dendang Antarabangsa
9.30 Pilehan Pendengar
10.15 Penglipor Lara
10.30 Rampaian London
10.45 Aneka Lagu
11.00 Permintaan Suka Ramai

T/HARI :
1.30 Chitra Wara (SU)

PETANG :
2.00 Ira Kenchana
2.30 Sandiwara Radio (SU)
3.15 Hiboran Petang
3.45 Instrumental Inggeries
4.00 Tafsir Al-Koran
4.30 Majallah Ugama
5.00 Persembahan Lagu2 Gambus
5.45 Lagu2 Nasehat.

MALAM :
7.00 Bachaan Surah Yassin
8.30 Bimbingan Al-Koran
9.00 Permintaan Lagu2 Lama
9.45 Hidayat.

### Hari Jumaat 11hb. Dis.

PAGI :
8.30 Majallah Radio (SU)
9.00 Suara Gambus
9.30 Tafsir Al-Kor'an (SU)
10.15 Soalan Di-Udara
10.30 Belia Mewakili Zaman-nya
11.00 Bimbingan Al-Kor'an
11.30 Lukisan Masharakat.

TENGAH HARI :
12.00 Lagu2 Dakwah
12.15 Bachaan Al-Kor'an
Menunaikan sembahyang Fardhu Jumaat
1.15 Lagu2 Nashid
1.45 Lagu2 Timor Tengah.

PETANG :
2.00 Pertanian
2.30 Pelajaran Dewasa Di-Udara
3.15 Muzium Di-Udara
3.30 Focus Radio
4.00 Cherpen dan Salokan
4.30 Langgam Suara
5.00 Apa Pendapat Awda.
5.15 Pilehan Juruhebah.
5.45 Suntingan Khutbah Jumaat

MALAM :
7.00 Lagu2 Rampaian
8.30 Kampong Terpuji (SU)
9.00 Mari Berpantun
9.45 Soal Jawap Ugama (SU)

### Hari Sabtu 12hb. Dis.

PAGI :
8.30 Focus Radio
9.00 Riang Ria
9.15 Soalan Di-Udara
9.30 Pilehan Pendengar
10.15 Varia Peristewa
10.30 Rampai Sari
11.30 Hiboran Untok Adek2.

T/HARI :
1.30 Lagu2 Dari Filem
1.45 Muzium Di-Udara

PETANG :
2.00 Permintaan Hujong Minggu
3.15 Aneka Lagu
3.30 Chitra Irama
4.00 Mutiara Asli.
4.30 Pelajaran Dewasa Di-Udara.
5.00 Rangkaian Lama dan Baru
5.45 Irama di-senja.
6.40 Lagu2 Keronchong

MALAM :
7.00 Titian Budaya
7.15 Selingan Irama
8.30 Cherpen dan Salokan
9.00 Bangsawan Di-Udara (SU)
9.45 Langgam Suara.

### Hari Ahad 13hb. Dis.

PAGI :
8.30 Majallah Radio (SU)
9.00 Taman Mekar
9.30 Dunia Wanita
10.15 Titian Budaya
10.30 Senandong Seloka
11.00 Ruangan Ketani
11.30 Suara Kugiran

T/HARI :
12.00 Sandiwara Radio
12.30 Irama Gembira
1.00 Permintaan Dua Steshen

PETANG :
2.00 Kampong Terpuji
2.30 Seloka Merpati
3.15 Hiboran Selingan
3.30 Arena Sokan
4.00 Chitra Wara
4.30 Mari Berpantun
5.00 Selayang Pandang
5.45 Hiboran Petang
6.40 Irama Asli.

MALAM :
7.00 Ira Kenchana (SU)
8.30 Suara Parajurit
9.45 Permintaan Lagu2 Lama

### Hari Isnin 14hb. Dis.

PAGI :
8.30 Serbanika Hiboran
9.00 Dendang Antarabangsa
9.30 Pilehan Pendengar
10.15 Berdendang Dengan-ku
10.30 Sains dan Perusahaan
11.00 Permintaan Suka Ramai

T/HARI :
1.30 Bingkisan Tanah Ayer

PETANG :
2.00 Kenangan Mengusik Jiwa
2.30 Permintaan Jiran Tetangga
3.15 Rampaian Joget
3.30 Pertanian
4.00 Senandong Seloka (SU)
5.30 Selayang Pandang (SU)
5.00 Komintar Radio
5.15 Pilehan Ku
5.45 Lagu2 Rampaian.
6.40 Lagu2 Dakwah

MALAM :
7.00 Senandong Ria
8.30 Permintaan Sukaramai
9.45 Mutiara Asli.

### Hari Selasa 15hb. Dis.

PAGI :
8.30 Suara Perajurit (SU)
9.30 Permintaan Kaum Wanita.
10.15 Irama Hindustan
10.30 Rampaian London
10.45 Lagu2 Rampaian
11.00 Autograph Pendengar
11.30 Dunia Wanita (SU)

T/HARI :
1.30 Lukisan Masharakat (SU).

PETANG :
2.00 Ku Sampaikan Salam
3.15 Gema Silam
3.30 Ghazal
4.00 Suara Kugiran (SU)
4.30 Belia Mewakili Zaman-nya (SU)
5.03 Varia Peristiwa
5.15 Sayu dan Merdu
5.45 Senandong Senja.
6.45 Lagu2 Dakwah.

MALAM :
7.00 Hiboran Pilehan
8.30 Permintaan Sukaramai
9.45 Senandong Malam.

## RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

### EVENING

### Wednesday

CLASSICAL MUSIC NIGHT

80.0 Sullivan : Overture Di Balla
Rodrigo : Fantasy For A gentleman.
8.45 Schubert : Unfinished Symphony
9.30 Ravel : Bolero
Lehar : Merry Widow (repeat)

### Thursday

P.M.
8.00 Hello Tomorrow
8.45 Perspective
9.00 Rock Line : Featuring Japan, The Tearorop Explodes and Linx
9.30 Story Time : 'Dear Me!' by Peter Ustinov — Ep. 6

### Saturday

P.M.
8.00 Hits In Germany
8.45 Fact or Fantasy (repeat).
9.30 Top Of The Pops.

### Monday

P.M.
8.00 Dateline
8.45 Up The Belait Without A Paddle
9.30 Thirty-Minute Theatre : "The Revenge" by Andrew Saths.

### Tuesday

JA'AFAR'S POP MUSIC NIGHT

P.M.
8.00 Just For You
8.30 Radio Newsreel
9.00 Just For You (continued)
9.30 Stereo Pop Special : "Steve Forbert" Side 2

### Daily

A.M.
7.00 BBC and Local News
7.15 Musical Hour
8.15 Radio Newsreel
11.00 Ladies At Eleven — except holidays
12.00 Lunch Break until 1.30—except holidays

P.M.
8.30 Radio Newsreel
9.15 News.

### HOLIDAYS — Friday

A.M.
11.00 Practical World
11.15 Light Music from Netherlands
11.30 Children's Half Hour
12.00 Soundtrack of the Sixties

P.M.
12.45 My Music
1.15 BBC Sports Mazagine.
8.00 World of Books
8.45 International Money Programme
9.00 Strictly Instrumental
9.30 Stringsound

### Sunday

A.M.
11.00 Ideas as they come
11.15 Big Band Sound
11.45 Career — Your Choice —
12.00 "Fact or Fantasy"
12.45 In Latin Mood with Los Indios
1.00 Top of The Pops.

TAJUL'S STUDENT NIGHT

P.M.
8.00 Science Pop
8.15 Career — Your Choice (repeat)
8.45 World of Education
9.00 Hot Questions Cool Replies
9.30 Drama : "Its Never Too Late" by E. D. Clements.




# LEBEH 100 ORANG SERTAI SOKAN BAGI ORANG2 CHACHAT

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lebeh dari 100 orang peserta yang terdiri dari murid2 Kelas Bimbingan Sekolah Rendah/Menengah Kerajaan, peserta dari Rumah Sakit Umum, Kelas Kanak2 Chachat dan peserta2 buta dari Pusat Pemulihan Rumah Kebajikan, telah mengambil bahagian dalam achara sokan yang berlangsong di-Pusat Belia di-sini Ahad lalu.

Temasha tersebut telah di-rasmikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Negara Indera Pengiran Anak Kamarulzaman bin Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar Pengiran Haji Ali, yang menjadi tetamu kehormat temasha itu.

Sa-banyak 11 achara sokan telah di-adakan termasok lari berhalangan, lumba kerusi beroda 50 meter, lumba lari 50 meter dengan menggunakan alat pendengaran (loncheng), rubber discuss rolling, permainan bola jaring dan lari 50 meter tutup mata bagi pegawai2 yang mengelolakan temasha sokan.

Temasha tersebut turut di-serikan oleh permainan Pancharagam Pasokan Pulis Diraja Brunei. Hadiah kapada pemenang2 telah di-sampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Negara Indera Pengiran Anak Kamarulzaman.

Achara sokan yang di-anjorkan oleh Jabatan Pelajaran itu ada-lah kali pertama-nya di-kendalikan bagi tujuan memperingati Tahun Antarabangsa Orang2 Chachat di-Brunei.

Turut menyaksikan achara sokan itu ia-lah Pengarah Kebajikan Belia dan Sokan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein, Pengarah Perubatan dan Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Tabib Diraja Dato Paduka Seri Laila Jasa Dr. P. I. Franks, dan jemputan2 khas yang lain.



PENGARAH DBP, Pengiran Badaruddin (dudok No 2 dari kanan) ketika hadhir di-Majlis Kuliah Belia yang berlangsong di-Balai Pameran DBP baru2 ini.

# Perlawanan badminton berakhir

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kejohanan badminton anjoran Persatuan Kebajikan Kampong Sengkurong (PKKS) kali kedua telah berakhir minggu lalu.

Perlawanan yang di-anjorkan khas bagi penduduk Mukim Sengkurong itu di-bahagikan kapada sembilan bahagian dan telah di-sertai oleh lebeh daripada 70 orang pemain.

Bahagian perseorangan lelaki, johan di-menangi oleh Awang Omar bin Asmat, kedua Awang Tamit bin Paman dan pemenang ketiga ia-lah Awang Abdullah bin Bahar.

Dayang Murah bte Adam munchol sa-bagai juara perseorangan wanita dengan menewaskan Dayang Rusni bte Lamat dan tempat ketiga ia-lah Dayang Aminah bte Haji Tamin.

Sementara Awang Ramli bin Salleh telah berjaya menjadi johan dalam perlawanan perseorangan lelaki 18 tahun kebawah, naib johan ia-lah Awang Johari bin Haji Ahmad dan ketiga di-menangi oleh Awang Ahmadi bin Asmat.

Awang Haji Untong bin Abd. Rahman telah memenangi tempat pertama dalam bahagian perseorangan lelaki veteran 35 tahun ka-atas. Pemenang kedua jatoh kapada Awang Tinggal bin Haji Bangkol dan ketiga ia-lah Awang Thani bin Haji Badar.

Dalam perlawanan bergu lelaki, pasangan Awang Lamuddin bin Haji Ja'afar dan Awang Tahir bin Ahad telah menjadi juara dengan menewaskan pasangan Awang Tamit bin Paman dan Awang Zaini bin Mohd. Yusof. Tempat ketiga di-menangi oleh pasangan Awang Metuddin bin Metassan dan Awang Ramli bin Salleh.

Pasangan Dayang Marini bte Sabtu dan Dyg. Aminah bte Haji Tamin pula telah munchol sa-bagai johan dalam bahagian bergu wanita terbuka. Kedua ia-lah pasangan Dayang Norlina bte Haji Untong dan Dayang Rusni bte Lamat. Manakala pemenang ketiga ia-lah pasangan Dayang Murah bte Adam dan Dayang Noriah bte Abd. Hamid.

Dalam bahagian bergu lelaki bagi umor 18 tahun kebawah, pasangan Awang Ramli bin Salleh dan Ak. Tajuddin bin Pengiran Haji Mawang telah mendapat tempat pertama dan kedua ia-lah pasangan Awang Ya'akub bin Asmat dan Awang Johari bin Haji Ahmad.

Pasangan Awang Sarbini bin Pudin dan Awang Tudin bin Ahad telah memenangi kejuaraan dalam bahagian bergu lelaki veteran bagi umor 35 tahun ka-atas dengan menewaskan pasangan Haji Untong bin Abd. Rahman dan Awang Tinggal bin Haji Bangkol, pemenang ketiga ia-lah terdiri dari pasangan Awang Md. Ali bin Abd. Hamid dan Awang Zinin bin Kalong.

Sementara dalam bahagian bergu champoran pula, pemenang pertama ia-lah pasangan Awang Metuddin bin Metassan dan Dayang Murah bte Adam, kedua ia-lah pasangan Awang Haji Untong bin Abd. Rahman dan Norlina bte Hj. Untong dan ketiga ia-lah pasangan Awang Osman bin Haji Talib dan Dayang Azizah bte Haji Talib.

Hadiah2 kapada pemenang telah di-sampaikan oleh Awg. Haji Ja'afar bin Haji Md. Daud, Presiden Persatuan Badminton Kebangsaan Negeri Brunei (PBKNB).

# Keputusan perlawanan pingpong anjoran BATTA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perlawanan akhir pingpong sa-negeri anjoran Persatuan Pingpong Amatur Negeri Brunei (BATTA) kali ketiga telah di-langsongkan di-Bilek Bachaan Pusat Belia di-sini pada malam Isnin 29hb. Nobember lepas.

Sa-banyak empat perlawanan di-jalankan pada malam itu ia-itu perseorangan lelaki dan perempuan dan bergu lelaki dan wanita.

Dalam bahagian perseorangan lelaki, Awang Choo Sin Fatt telah menewaskan Awang Lien Kok Ching dengan kiraan mata 21-17 dan 21-15. Sementara pemenang ketiga jatoh kapada Awang Ang Swee Kiang.

Dayang Kheng Kim Hong pula telah munchol sa-bagai juara dalam bahagian perseorangan wanita sa-telah menewaskan Woong Wai Kuan dengan kedudokan mata 21-10 dan 21-18. Tempat ketiga di-sandang oleh Dayang Tan Guek Liang.

Sementara dalam perlawanan bergu lelaki, pasangan Awang Choo Sin Fatt dan Awang Hong Kim Hua telah berjaya menjadi juara dengan menewaskan pasangan Awang Ang Swee Ann dan Awang Ang Swee Kiang dengan kiraan mata 21-13, 13-21 dan 22-20. Pemenang ketiga jatoh kapada pasangan Awang Thomas Kok dan Awang Liew Kok Ching.

Pasangan Dayang Kheng Kim Hong dan Dayang Woong Wai Kuan telah berjaya menjadi juara dalam bahagian bergu perempuan dengan menewaskan pasangan Dayang Ngo Suk Hong dan Kuang Chiron Sin dengan mata 21-15 dan 21-18. Dan tempat ketiga ia-lah pasangan Tan Guek Liang dan Woong Wai Kuan.

Dayang Kheng Kim Hong, juara perseorangan wanita telah di-istiharkan sa-bagai pemain terbaik dengan menerima Oskar rebutan yang telah di-sumbangkan oleh Grill dan Sport.

Sa-jumlah 90 orang pemain di-seluroh negeri telah menyertai perlawanan itu yang mana pusingan awal telah bermula sejak 15hb. Nobember lepas di-tempat yang sama.

Awang Haji Hussien bin Zainal, Penyusun Latehan Jasmani, Jabatan Pelajaran yang juga selaku yang Dipertua Persatuan BATTA telah menyampaikan hadiah2 kapada pemenang2 di-akhir perlawanan pada malam itu.



AWANG Haji Hussien, Yang Dipertua BATTA menyampaikan hadiah rebutan kapada Dayang Kheng Kim Hong.

# Kuliah Belia anjoran Persatuan Belia Sumbiling

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Belia Sumbiling dengan kerjasama dari Penghulu Kampong Sumbiling, pada hari Ahad, 29hb. Nobember lepas, telah mengadakan satu majlis Cheramah Ugama Belia bertempat di-Bilek Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka di-sini.

Majlis pada malam itu telah di-mulakan dengan uchapan alu2an oleh Yang Dipertua persatuan itu, Awang Ahmad bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Mohd. Yusof.

Ini kemudian-nya di-ikuti dengan cheramah khas mengenai peranan belia dalam Islam, yang di-sampaikan oleh Awang Tassim bin Akim, Pegawai Pelajaran Ugama.

## PENYAMPAIAN DERMA

Achara majlis di-akhiri dengan penyampaian derma-derma kapada 26 orang wanita bujang yang berasal dari Kampong Sumbiling. Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani telah menyampaikan derma2 berkenaan.

Awang Ahmad ketika di-tanya menjelaskan bahawa derma2 berkenaan di-berikan oleh Persatuan Belia Sumbiling bagi wanita2 bujang sama ada yang maseh tinggal di-kampong tersebut atau yang sudah berpindah ka-tempat lain.

Kata-nya, derma tersebut di-sumbangkan oleh persatuan ini sejak tahun 1974 lagi dan ia-nya ada-lah merupakan projek tahunan bagi persatuan tersebut. Beliau menambah, derma pada tahun ini sa-patut-nya di-berikan sa-belum menjelang Hari Raya Aidilfitri, tetapi di-sebabkan beberapa perkara ia-nya di-tunda hingga ka-hari ini.

Hadhir sama di-majlis itu termasok-lah Ketua Kampong Sumbiling, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Dewa Dato Paduka Haji Musa bin Hitam, ahli2 jawatankuasa persatuan, serta lebeh dari 50 orang pendudok kampong tersebut.



PERSATUAN Kemudi Kampong Kiudang Daerah Tutong telah mengadakan majlis keshukoran bagi menyambut tahun Hijrah 1402, merai'kan Penghulu Baru bagi kampong tersebut dan merai'kan ahli2 persatuan yang selamat kembali dari menunaikan fardhu haji di-Mekah. Majlis ini telah di-langsongkan di-Dewan SPI Kiudang pada hari Ahad lepas. Gambar atas menunjokkan sa-bahagian daripada jemputan khas dan ahli2 jawatankuasa persatuan ketika menghadhiri majlis pada hari itu.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-JABATAN RADIO TALIVISHEN BRUNEI

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Radio Talivishen Brunei.

1. JURUTEKNIK PEMELIHARAAN KANAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Chalon2 mesti-lah mempunyai samada : —

a) Sijil Teknoloji penoh/Higher T.E.C. Diploma atau yang sebanding dalam bidang Komunikasi/Elektronik dan sekurang2-nya enam tahun dalam bidang penyiaran Radio atau Talivishen yang mana sekurang2-nya dua tahun memegang jawatan Juruteknik Pemeliharaan atau yang sebanding.

ATAU

b) Sekurang2-nya sepuloh tahun dalam bidang penyiaran dan tiga tahun daripada-nya memegang jawatan Juruteknik Pemeliharaan atau yang sebanding di-sertai dengan sokongan yang kuat dari Ketua2 Bahagian yang berkenaan. Keutamaan akan di-berikan kapada mereka yang telah menchapai perengkat yang minima dalam tahun ketiga pepereksaan City & Guilds in Telecommunications atau yang sebanding.

**Tangga Gaji :**

C. 4 EB. 5 — $2035-2095-2155-2215 - 2280 / E B / 2335-2395-2455-2515-2580. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

2. JURUTEKNIK PEMELIHARAAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Chalon2 mesti-lah mempunyai samada : —

a) Sijil Teknoloji penoh/Higher T.E.C. Diploma atau yang sebanding dalam bidang Komunikasi/Elektronik dan sekurang2-nya empat tahun dalam penyiaran Radio dan Talivishen yang mana sekurang2-nya satu tahun daripada-nya memegang jawatan Penolong Juruteknik Pemeliharaan.

b) Sekurang2-nya enam tahun dalam bidang penyiaran dan dua tahun daripada-nya memegang jawatan Penolong Juruteknik Pemeliharaan atau yang sebanding di-sertai dengan sokongan yang kuat dari Ketua2 Bahagian. Keutamaan akan di-berikan kapada mereka yang telah menchapai perengkat minima tahun kedua City & Guilds in Telecommunications atau yang sebanding.

ATAU

c) Sa-jumlah jawatan2 yang terhad ada-lah terbuka kapada chalon2 yang mempunyai kelayakan2 City & Guilds dan pengalaman dalam bidang Kejuruteraan umom Mekanikal dan/atau Elektrik.

**Tangga Gaji :**

C. 3-4 EB. 5 — B$1735-1795-1855-1915 - 1980 - 2035 - 2095-2155-2215 - 2280 / EB / 2335-2395-2455-2515-2580. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

3. PENOLONG JURUTEKNIK PEMELIHARAAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Chalon2 mesti-lah mempunyai samada : —

a) Sijil Teknoloji penoh/Higher T.E.C. Diploma atau yang sebanding dalam bidang Komunikasi/Elektronik. Mempunyai pengalaman dalam bidang penyiaran sa-chara penempatan/bergaji hari ada-lah di-utamakan tetapi tidak di-mestikan.

ATAU

b) Kelulusan dalam City and Guilds Course 824 yang lengkap dalam bidang Radio Talivishen dan Electronic Servicing atau tahun ketiga City and Guilds in Telecommunications atau yang sebanding di-sertai dengan sekurang2-nya dua tahun dalam bidang penyiaran yang mana sekurang2-nya satu tahun daripada-nya memegang jawatan Juruteknik Pemeliharaan Rendah.

ATAU

c) Sekurang2-nya empat tahun dalam bidang penyiaran yang mana dua tahun daripada-nya memegang jawatan Juruteknik Pemeliharaan Rendah atau yang sebanding di-sertai dengan sokongan yang kuat daripada Ketua2 Bahagian yang tertentu. Keutamaan akan di-berikan kapada mereka yang lulus sekurang2-nya tahun pertama City and Guilds in Telecommunications atau yang sebanding.

ATAU

d) Sa-jumlah jawatan yang terhad ada-lah terbuka kapada chalon2 yang mempunyai kelayakan2 City & Guilds dan pengalaman dalam bidang Kejuruteraan umom Mekanikal dan/atau Elektrik.

**Tangga Gaji :**

C. 2-3 EB. 4 — $1260-1305-1350-1395 - 1445 - 1495 - 1545-1615-1685 - 1735 - 1785 - 1855-1915 - 1980 / EB / 2035-2095 - 2155-2215-2280. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

4. JURUTEKNIK PEMELIHARAAN RENDAH :

**Kelayakan2 dan Pengalaman**

Chalon2 mesti-lah mempunyai samada : —

a) Tamat tahun pertama City & Guilds 824 Course dalam bidang Radio Talivishen dan Electronic Servicing atau lulus kedua City and Guilds in Telecommunications. Keutamaan akan di-berikan kapada mereka yang telah menjalani paling kurang enam bulan penempatan di-Radio Talivishen Brunei atau lain2 pertubohan teknikal.

ATAU

b) Berkhidmat paling kurang satu tahun sa-bagai Pelateh Teknik di-Radio Talivishen Brunei dan memperolehi kelulusan samada dalam tahun pertama City & Guilds 824 Course atau tahun kedua City & Guilds in Telecommunications atau yang sebanding.

ATAU

c) Sekurang2-nya tiga tahun sa-bagai Pelateh Teknik atau Improver bergaji hari dalam bahagian pemeliharaan RTB dengan sokongan yang kuat dari Ketua2 Bahagian yang berkenaan.

ATAU

d) Sa-jumlah bilangan jawatan yang terhad ada-lah terbuka kapada chalon2 yang mempunyai kelayakan2 City and Guilds dan pengalaman dalam bidang Kejuruteraan umom Mekanikal dan/atau Eletrik.

**Tangga Gaji :**

D.1-2-3 EB.4-5—$425-440-455-470-485-500-515-535 - 555-580 /EXAM BAR/ 605 - 630 - 655-720-755-790-825-860-900 / EB/980-1010-1040-1070-1105 - 1140-1175 - 1200 - 1230 - 1260-1290. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 7hb Januari, 1981.

(E/25/75—Bil: 222/1981)

## Di-Jabatan Pulis Diraja Brunei

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Polis Diraja, Brunei.

1. Jawatan : JURURAWAT GIGI.

**Tangga Gaji :**

M. 3-4 EB. 5 — B$455-470-485-500-515-530-545-565-585 - 605-630-655-680-754-780-820 - 860-900-940/ E B /1015-1040-1070-1100-1130-1160-1190. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Kelayakan2 :**

a) Mesti-lah mempunyai Sijil Jururawat Pergigian dari Institute Latehan Jururawat Pergigian Singapura atau Pulau Pinang sa-lepas menjalani tempoh latehan tersebut sekurang2-nya sa-lama 2 tahun 4 bulan.

b) Jururawat Pergigian yang belum menyempurnakan kerja mereka sa-lepas latehan sa-lama satu tahun di-bawah pengawasan Pegawai2 Pergigian Kerajaan dalam lapangan tersebut akan di-lantek sa-bagai Jururawat2 Gigi Perchubaan untok memenohi kehendak ini.

c) Pemohon2 yang terdiri dari raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei atau pendudok tetap Brunei ada-lah di-utamakan.

d) Pengalaman sa-lepas menjalani Latehan dalam lapangan Jururawat2 Pergigian ada-lah merupakan satu kelebehan.

2. Jawatan: JURUTEKNIK GIGI

**Tangga Gaji :**

M.4-5 EB.6—B$745-780-820-860-900-940-1015-1040 - 1070-1100-1130-1160 - 1190 / E B / 1230-1260-1290 - 1320 / E B / 1350-1380-1410 - 1440 - 1470 - 1500. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Kelayakan2 :**

a) Mesti-lah mempunyai Sijil Teknoloji Pergigian dari Sekolah Pergigian Singapura atau Pulau Pinang sa-lepas menjalani tempoh latehan tersebut sekurang2-nya sa-lama 2 tahun 4 bulan.

b) Pemohon2 yang terdiri dari raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei atau pendudok tetap Brunei ada-lah di-utamakan.

c) Pengalaman sa-lepas menjalani latehan dalam tatachara Makmal Pergigian ada-lah merupakan satu kelebehan.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji satelah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 7hb Januari, 1982.

(E/1637 81 — Bil: 205/1981)

## Sa-bagai Tukang Lukis Kanan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok di-lantek sa-bagai TUKANG LUKIS KANAN di-Radio Talivishen Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Chalon2 hendak-lah mempunyai Diploma Pertukangan Kayu dan Tangan dengan menjalani pengajian sepenoh masa sekurang2-nya sa-lama tiga tahun. Taraf lukisan teknikal yang baik ada-lah di-perlukan.

b) Mempunyai sekurang2-nya empat tahun pengalaman bekerja sa-bagai Tukang Lukis di-pejabat Arkitek atau bidang pembenaan.

c) Chalon2 yang mempunyai kelayakan yang lebeh rendah, tetapi dengan pengalaman yang bersesuaian boleh juga di-pertimbangkan.

d) Chalon2 mesti-lah sekurang2-nya mempunyai pengetahuan Bahasa Inggeris yang baik.

**Tangga Gaji :**

C. 2 EB. 3 — B$1260-1305-1350-1395-1445 - 1495 - 1545 - 1615-1685 / E B / 1735-1795 - 1855-1915-1980. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan besama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 16hb Januari, 1982.

(E/938/74)

(Bil : 220/1981)

## Sa-bagai Penyelia Serikata

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok di-lantek sa-bagai PENYELIA SERIKATA di-Radio Talivishen, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Chalon2 mesti-lah lulus pepereksaan Sijil 'Am Pelajaran Brunei Cambridge atau yang sebanding dengan-nya dengan mendapat kepujian dalam Bahasa Melayu atau Inggeris. Mereka mesti-lah boleh menterjemah dailog filem sa-chara serentak dari Inggeris ka-Bahasa Melayu tanpa petunjok atau penyeliaan dan sekurang2-nya telah berkhidmat dalam bahagian serikata tidak kurang lima tahun.

**Tangga Gaji :**

C. 1 EB. 2 — B$1110-1155-1215 / E B / 1260-1305-1350 - 1395 - 1445 - 1495-1545-1615 - 1685. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 7hb Januari, 1982.

(E/685/78)

(Bil : 210/1981)

## Sa-bagai Pemandu Motor Sangkut

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok di-lantek sa-bagai PEMANDU MOTOR SANGKUT di-Pejabat Daerah Belait, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 20 hingga 40 tahun.

b) Mesti-lah pemandu2 yang berpengalaman dan mengetahui alam sekitar dan selok belok Sungai Belait.

c) Boleh membacha dan menulis dalam Bahasa Melayu.

d) Mempunyai pengetahuan membaiki kerosakan2 kechil injin Motor Sangkut 40 kuda (H.P.)

e) Mengetahui kedudokan kampong2 pendalaman di-Ulu Sungai Belait ada-lah merupakan satu kelebehan.

**Tugas2 :**

Pemohon2 mesti-lah bersedia bertugas dan bermalam di-kampong2 pendalaman Ulu Sungai Belait.

**Tangga Gaji :**

F.2-3-4 EB.5—$390-400-410-420-430-440-450-460-470-490 - 500-510-520/EB/530-540-560.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 9hb Januari, 1982.

(E/85/74)

(Bil : 213/1981)

## Sa-bagai Penyelenggara Setor Tingkat III

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok di-lantek sa-bagai PENYELENGGARA SETOR TINGKAT III di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 18 hingga 25 tahun dan lulus sekurang2-nya Tingkatan III atau yang sebanding dengan-nya.

b) Chalon2 yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di-atas tetapi mempunyai pengalaman dalam kerja2 Penyelenggara Setor boleh juga di-pertimbangkan.

**Tangga Gaji :**

E. 1-2-3 EB. 4 — $410-425-440-455-470-485-500-515-530-545-560-575-590-605/EB/620-630-645-660-680-700.

**'Am :**

Chalon2 yang berjaya hendak-lah bersedia untok berkhidmat di-mana2 sahaja di-dalam negeri.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan besama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 16hb Januari, 1982.

(E/357/73)

(Bil : 218/1981)

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SA-BAGAI PENGAWAS MEKINIK (KENDERAAN)

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok di-lantek sa-bagai PENGAWAS MEKINIK (Kenderaan) di-Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor antara 25 hingga 45 tahun;

b) Lulus sekurang2-nya Tingkatan I atau sebanding dengan-nya, dan mempunyai sekurang2-nya 5 tahun pengalaman bekerja sa-bagai Mekinik Kenderaan bermotor;

ATAU

Telah tamat sa-suatu kursus atau latehan dalam bidang kenderaan bermotor daripada sa-sebuah Sekolah Pertukangan dan mempunyai sekurang2-nya 3 tahun pengalaman bekerja sa-bagai Mekinik Kenderaan bermotor.

c) Mesti-lah mempunyai lesen memandu yang sah;

d) Mempunyai kebolehan untok mengawasi kaki-tangan rendah.

**Tangga Gaji :**

D. 3 EB. 4 — $720-755-790-825-860-900 / E B / 980-1010-1040-1070-1105-1140-1175.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 12hb Disember, 1981.

(E/1713/81 — Bil : 197/1981)

## Di-Radio Talivishen Brunei

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Radio Talivishen, Brunei.

1. VISION MIXER :

Pemohon2 mesti-lah mempunyai kelulusan pelajaran yang sebaik2-nya hingga ka-perengkat G.C.E. Chalon2 mesti-lah mempunyai pengalaman praktikal dalam kerja2 Vision Mixer terutama-nya dalam chara2 menggunakan special effects dan Chorma Key, sekurang2-nya 3 tahun. Pengetahuan tentang kerja2 penerbitan ranchangan talivishen ada-lah perlu. Chalon2 mesti-lah mahir menulis dan bertutor Bahasa Inggeris, berfikiran chergas, dan boleh memberi sumbangan kapada kerja2 penerbitan serta menchipta dan menghasilkan idea2 ka-media pemandangan. Pemohon2 yang tidak mempunyai pengetahuan dalam lapangan talivishen tidak perlu memohon.

**Tugas2 :**

Mengendalikan semua jenis alat Vision Mixing di-dalam Studio dan Siaran Luar di-jalankan di-bawah arahan sa-seorang penerbit.

**Tangga Gaji :**

C. 1-2 EB. 3 — $1110-1155-1215-1260-1305 - 1350 - 1395-1445-1495-1545 - 1615 - 1685/EB / 1735-1795 - 1855 - 1915 - 1980.

ATAU

**Tangga Gaji :**

C. 2-3-4 EB.5—$1260-1305-1350 - 1395 - 1445-1495 - 1545-1615 1685 - 1735 - 1795 - 1855-1915-1980 - 2035 - 2095 - 2155-2215 - 2280 / EB / 2335-2395 - 2455-2515-2580.

2. PENULIS SKERIP/ PENOLONG SKERIP :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Lulus Sijil 'Am Pelajaran (Perengkat Biasa) atau yang sebanding dengan-nya dan mempunyai pengalaman sa-bagai Penulis Skerip untok ranchangan2 radio dan talivishen.

**Tangga Gaji :**

C. 1-2 EB. 3 — $1110-1155-1215-1260-1035 - 1350 - 1395-1445-1495-1545 - 1615 - 1685/ EB / 1735-1795 - 1855 - 1915 - 1980. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

3. PENOLONG OPERESEN:

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 hendak-lah mempunyai pengalaman yang sesuai sekurang2-nya tiga tahun dalam Operesen2 Talivishen, dan memileki Sijil 'Am Pelajaran Brunei. Bagaimana pun, kelayakan2 akademik akan di-pertimbangkan.

**Tangga Gaji :**

C. 1-2 EB. 3 — $1110-1155-1215-1260 - 1305 - 1350 - 1395-1445-1495 - 1545 - 16151-685 / EB / 1735-1795 - 1855 - 1915 - 1980. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

4. PENOLONG PENYUNTING :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Lulus Tingkatan V aliran Inggeris. Mempunyai pengalaman sekurang2-nya sa-lama dua tahun dalam bidang kewartawanan bekerja di-Radio atau Akhbar. Mempunyai minat yang giat mengenai hal ehwal dunia sekarang. Kebolehan menaip dan menulis trengkas ada-lah di-utamakan.

**Tugas2 :**

Membantu dalam menyunting dan menyediakan Warta Berita. Di-perlukan juga membantu dalam kerja2 penerbitan ranchangan mengenai hal ehwal dunia sekarang.

**Tangga Gaji :**

D.3 EB.4-5 — $720-755-790-825-860-900 / E B / 980-1010-1040 - 1070 - 1105 - 1140-1175-1200-1230-1260-1290. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

5 PEGAWAI MAKMAL TEKNIK :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Chalon2 hendak-lah lulus Sijil Persekolahan Seberang Laut.

b) Keutamaan akan di-berikan kapada mereka yang mendapat kepujian dalam Sains dan/atau Ilmu Hisab.

c) Keutamaan akan juga di-berikan kapada mereka yang mempunyai pengalaman dalam memperoses filem.

**Tangga Gaji :**

D. 2-3 EB. 4-5 — $515-535-555-580-605-630-655-720-755 - 790-825-860 - 900 / E B / 980 - 1010-1040 - 1070 - 1105 - 1105-1290. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalamn.

6. JURUTAYANG :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah betrumor di-antara 20 hingga 45 tahun.

b) Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan II Inggeris atau yang sebanding dengan-nya. Mereka hendak-lah mempunyai pengalaman dalam chara2 menggunakan projector wayang gambar (satu ujian akan di-adakan oleh pejabat ini).

**Tangga Gaji :**

D.1 EB2-3 — $425-440-455-470-485-500/EB/515-535-555-580-605-630-655-720-755-790 - 825-860-900. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 4hb Januari, 1982.

(E/665/75)

(Bil : 204/1981)

## NOTIS TAWARAN

TAWARAN ada-lah di-pelawa bagi menchetak buku Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei yang bertajok "Laju Perahu Laju".

1 Penentuan2 (specifications) mengenai buku2 ini boleh di-dapati dari Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei pada bila-bila masa waktu pejabat di-buka.

2 Tawaran hendak-lah di-masokkan di-dalam sampul tertutop dengan perkataan2 TAWARAN MENCHETAK, BUKU2 DBP di-bahagian atas sebelah kiri. Semua tawaran hendak-lah di-hantar kapada :

Pengerusi,
Lembaga Tawaran,
d/a Pejabat Kewangan,
Bandar Seri Begawan,
Brunei

tidak lewat daripada hari Isnin, 28hb Disember, 1981.

3 Kerajaan tidak terikat kapada mana2 atau kapada tawaran yang paling rendah.

---

TAWARAN ada-lah di-pelawa bagi menchetak buku Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei yang bertajok "Menurut Perentah Ibu."

1 Penentuan2 (specifications) mengenai buku2 ini boleh di-dapati dari Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei pada bila-bila masa waktu pejabat di-buka.

2 Tawaran hendak-lah di-masokkan di-dalam sampul tertutop dengan perkataan2 TAWARAN MENCHETAK BUKU2 DBP di-bahagian atas sebelah kiri. Semua tawaran hendak-lah di-hantar kapada :

Pengerusi,
Lembaga Tawaran,
d/a Pejabat Kewangan,
Bandar Seri Begawan,
Brunei

tidak lewat daripada hari Isnin 28hb Disember, 1981.

3 Kerajaan tidak terikat kapada mana-mana atau kapada tawaran yang paling rendah.

## Sa-bagai Tukang Kebun Pemberseh

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok memenohi jawatan2 kosong sa-bagai TUKANG KEBUN/PEMBERSEH di-Jabatan Polis Diraja Brunei.

Hnya orang2 yang tinggal berdekatan dengan kawasan2 ini di-kehendaki memohon:—

a) Balai Pusat Polis Gadong.
b) Unit Simpanan 'A' Belait.
c) Balai Polis Lapangan Terbang Berakas.
d) Balai Polis Perumahan Muara
e) Balai Polis Tutong.
f) Kawalan Polis Diraja.
g) Pusat Daerah Panaga.
h) Pusat Latehan Polis.

**Tangga Gaji :**

F. 1-2-3 EB. 4 — $350-360-370-380-390-400-410-420-430 - 440-450-460-470/EB/490-500-510-520.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 12hb Disember, 1981.

(E/252/62 — Bil : 198/1981)

## Pemandu Motor Sangkut Tingkat II

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, berbangsa Melayu, berugama Islam mengikuti Mazhab Shafiee Ahli Sunnah Wal-Jema'ah untok di-lantek sa-bagai PEMANDU MOTOR SANGKUT TINGKAT II di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Berumor tidak kurang dari 18 tahun.

b) Hendak-lah tahu membacha dan menulis.

c) Mempunyai pengalaman memandu motor sangkut dan mempunyai kebolehan untok memperbaiki kerosakan kechil serta mempunya pengalaman dalam penyelenggaraan enjin2 motor sangkut.

**Tangga Gaji :**

F.2-3-4 EB.5 — $390-400-410-420-430-440-450-460-470-490 - 500-510-520/EB/530-540-560.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 19hb Disember, 1981.

(E/450/62)
(Bil : 196/1981)

## SA-BAGAI WIREMAN TINGKAT II

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Kebawah Dulj Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok di-lantek sa-bagai WIREMAN TINGKAT II di-Jabatan Laut, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor tidak kurang dari 20 tahun dan mempunyai sekurang2-nya tiga tahun pengalaman praktikal sa-bagai electrical wireman.

b) Pemohon2 mesti-lah pandai membacha electrical circuit dan rajah2 wiring.

c) Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengetahuan baik tentang alat2 kelengkapan yang di-gunakan dan chara2 wiring electrical circuit.

d) Pemohon2 mesti-lah tahu tentang pemeliharaan dan overhaul 'am bahagian2 electrical starter motors, batteri2, generator2 kechil, peralatan lighting dan electrical motors.

**Tangga Gaji :**

F. 3-4 EB. 5—$430-440-450-460-470-490-500-510-520/EB/530-540-560.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 19hb Disember, 1981.

(E/550/77)

(Bil : 197/1981)

## Sa-bagai Pembantu Teknik di-JKR

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok di-lantek sa-bagai PEMBANTU TEKNIK di-Jabatan Kerja Raya, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Mempunyai Sijil Intermediate City and Guilds atau lain2 kelulusan tempatan yang di-iktiraf sa-bagai sebanding dengan-nya.

b) Mesti-lah mempunyai sekurang2-nya 4 tahun pengalaman praktikal sama ada dalam bidang ukor kuantiti dan/atau beberapa chawangan kejuruteraan.

c) Pemohon2 yang sedang berkhidmat yang mempunyai pengalaman yang sesuai dan kebolehan chemerlang boleh juga di-pertimbangkan untok di-lantek ka-tangga gaji yang rendah.

**Tangga Gaji :**

D. 1-2-3 EB. 4-5—$425-440-455-470-485-500-515-535-555 - 580-605-630-655-720-755-790 - 825-860-900 / EB / 980-1010 - 1040-1070-1105 - 1140 - 1175 - 1200-1230-1260-1290.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 31hb Disember, 1981.

(E/1059/73—Bil: 209/1981)

## TENDER NOTICE

### TENDER No. 14/1981

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan up to 4.00 p.m. Saturday 12th December 1981 for :

SUPPLY OF METAL PLATE RACKS QTY 13

2. Enquires on specification can be obtained from DAQMG 2, Office, Regimental Headquarters, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison, during working hours.

4. The successful tenderer is reminded that the item tendered is subject for Custom Duty.

5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### TENDER No. 15/1981

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, Brunei up to 4.00 p.m. Saturday 19th December 1981 for :

SUPPLY OF JACKSET AND STARCREST ETC.

2. Tender documents may be seen and all particulars obtained at the office of DAQMG 2, Regimental Headquarters, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN

### TAWARAN BAGI PEMASANGAN SECURITY FENCING MAIN STORES — JABATAN TALIKOM, BRUNEI

1. TAWARAN2 akan di-terima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran di-Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan tidak lewat jam 12.00 tengahari Sabtu 12hb Disember 1981.

2. Tawaran2 yang di-terima sa-lepas waktu dan tarikh yang tersebut tidak akan di-layan.

3. Tawaran yang di-maksudkan ia-lah untok Pemasangan Security Fencing di-Main Stores, Bandar Seri Begawan.

4. Tarikh dan tempoh pemasangan security fencing itu hendak-lah juga di-nyatakan dalam membuat tawaran.

5. Tawaran2 hendak-lah di-masokkan dalam sampul surat biasa yang bertutop dan bertulis dengan perkataan:

"TAWARAN BAGI SECURITY FENCING MAIN STORES — JABATAN TALIKOM BRUNEI"

tanpa membuboh nama pengirim.

6. Keterangan lanjut boleh-lah di-perolehi daripada Pejabat Pengarah Talikom, Tingkat I, Telephone House Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Brunei dengan membayar wang chagaran sa-banyak $50.00.

7. Kerajaan Brunei tidak akan terikat untok menerima sebarang tawaran atau tawaran yang paling rendah.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Askar Melayu Diraja Brunei.

1. PENGAWAS TUKANG KAYU TINGKAT I :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 hendak-lah berumor di-antara 30 hingga 45 tahun;

b) Mempunyai pengalaman dalam kerja2 pertukangan kayu tidak kurang dari 12 tahun;

c) Kebolehan menyediakan pelan2 dan taksiran kayu dan barang2 yang di-perlukan di-utamakan;

d) Keutamaan akan di-beri kapada chalon2 yang mempunyai Sijil Pertukangan dalam bidang yang berkaitan.

**Tangga Gaji :**

D.4 EB.5—$980-1010-1040-1070-1105-1140-1175EB/1200-1070-1105-1140-1175/EB/1200-1230-1260-1290.

2. TUKANG KAYU :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 hendak-lah berumor di-antara 18 hingga 45 tahun;

b) Mempunyai pengalaman dalam kerja2 pertukangan kayu tidak kurang dari 3 tahun;

c) Keutamaan akan di-beri kapada chalon2 yang boleh membacha dan menyediakan pelan2 dan taksiran.

**Tangga Gaji :**

E. 2-3 EB. 4—$470-485-500-515-530-545-560-575-590-605/EB/620-630-645-660-680-700.

3. TUKANG PATERI (WELDER) :

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Pemohon2 hendak-lah berumor di-antara 18 hingga 45 tahun;

b) Sekurang2-nya lulus Tingkatan II atau yang sebanding dengan-nya;

c) Mempunyai pengalaman sekurang2-nya dua tahun sa-bagai Tukang Pateri. Hendak-lah dapat boktikan kebolehan-nya di-dalam kerja2 yang berkenaan;

d) Keutamaan akan di-beri kapada chalon2 yang mempunyai Sijil Pertukangan dalam bidang yang berkaitan.

**Tangga Gaji :**

E. 1-2-3 EB. 4 — $410-425-440-455-470-485-500-515-530-545-560-575-590-605/EB/620-630-645-660-680-700.

**Sharat2 'Am :**

a) Keutamaan akan di-berikan kapada pekerja2 yang telah berkhidmat dengan Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei.

b) Chalon2 yang berjaya akan di-tempatkan sama ada di-Berakas, Bolkiah, Muara, Tutong atau Bangar kem, dan mesti-lah bersedia untok bertugas pada bila2 masa di-kehendaki.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 12hb Disember, 1981.

(E/792/78 — Bil: 199/1981)

## Sa-bagai Khatib Masjid Setia Ali

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei berbangsa Melayu, berugama Islam mengikut Mazhab Shafiee Ahli Sunnah Wal-Jemaah untok di-lantek sa-bagai KHATIB (bagi Masjid Setia Ali) di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang tinggal dalam kawasan yang berdekatan dengan masjid yang berkenaan.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Berumor tidak kurang dari 20 tahun.

b) Hendak-lah tahu membacha dan menulis jawi.

c) Hendak-lah tahu dan mahir dalam membacha Al-Kor'an.

d) Hendak-lah mahir dalam menyempurnakan mayat.

e) Hendak-lah tahu dan mahir dalam bertahlil dan bachaan2 doa.

f) Hendak-lah tahu dan mahir dalam berkhutbah.

g) Hendak-lah mengetahui hukum2 khas-nya dalam perkara2 bersuchi, sembahyang, zakat dan puasa dengan baik.

h) Hendak-lah tahu hukum2 mengenai dengan nikah kahwin.

i) Hendak-lah pandai berzikir.

**Tangga Gaji :**

D.2-3 EB.4 — $515-535-555-580-605-630-655-720-755-790-825-860-900 / E B / 980-1010-1040-1070-1105-1140-1175.

ATAU

D. 4-5 EB. 6 — $980-1010-1040 - 1070 - 1105-1140-1175 - 1200 - 1230 - 1260 - 1290/EB/ 1320-1350-1380-1410.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 19hb Disember, 1981.

(E/1137/73—Bil: 190/1981)

## Sa-bagai Pembantu Bilek Gelap

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok di-lantek sa-bagai PEMBANTU BILEK GELAP di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Penchetak Kerajaan dan di-Askar Melayu Diraja Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Mempunyai kelulusan tiga mata-pelajaran Perengkat 'O' (termasok mata-pelajaran bahasa Melayu) dalam Sijil 'Am Pelajaran;

b) Berpengalaman sa-bagai Jurugambar ATAU memproses filem.

**Tangga Gaji :**

Dewan Bahasa dan Pustaka dan Penchetak Kerajaan.

D.1 EB2-3 — $425-440-455-470-485-500-515-535-555-580-605-630-655-720-755-790-825-860-900.

Askar Melayu Diraja Brunei.

D. 1-2 EB. 3—$425-440-455-470-485-500-515-535 - 555-580 - 605-630-655/EB/720-755-790 - 825-860-900.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 19hb Disember, 1981.

(E/1796/76—Bil: 202/1981)

## Brunei Shell Petroleum Co, Ltd.

## INVITATION TO TENDER

BRUNEI SHELL PETROLEUM COMPANY LIMITED invites tenders from B.S.P. approved contractors for

1. TENDER No. LEN/000102 CATEGORIES 4 & 16
   Remove existing insulation, shot blast/paint and install new insulation on Liquid Disposal stainless steel lines to protect against chloride pitting corrosion at BLNG Plant.

2. TENDER No. LEN/000109 CATEGORIES 7 & 35B
   To excavate two instrument cable trenches from control room to east end of Boilers 1-9 and to lay cables in trenches plus terminations.

For further information please refer to Tender Notices on B.S.P. Tender Notice Boards.

## Sa-bagai Pelukis Tingkatan II

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok di-lantek sa-bagai PELUKIS TINGKATAN II di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah lulus empat mata-pelajaran perengkat Biasa atau yang sebanding dengan-nya dan mendapat kepujian chemerlang dalam mata-pelajaran Senilukis dan lulus dalam mata-pelajaran Bahasa Melayu.

b) Berpengalaman dalam kerja2 senigrafik dan ilustrasi buku dan majallah;

c) Dapat menunjokkan kerja2 yang pernah di-buat sa-bagai bokti pengalaman.

**Tangga Gaji :**

D. 4 EB. 5-6 — $980-1010-1040 - 1070 - 1105-1140-1175 / EB/1200 - 1230 - 1260 - 1290 - 1320-1350-1380-1410.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 17hb Disember, 1981.

(E/211/75)

(Bil : 196/1981)

## Di-Jabatan Laut Brunei

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok di-lantek sa-bagai PEMBANTU PEGAWAI JURUTERA LAUT di-Jabatan Laut, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Sijil Kechekapan sa-bagai Jurutera Kelas Dua (Motor) yang di-keluarkan oleh Jabatan Perdagangan dan Perusahaan United Kingdom atau kelulusan yang sebanding dari Negeri2 Commonwealth. Pernah berkhidmat di-Jabatan Laut dan Penguasa Pelabohan dan/atau mempunyai pengalaman sa-bagai Ketua atau Jurutera Kedua bagi kapal pengorek merupakan satu kelebehan.

**Tugas2 :**

Tugas2 utama ia-lah berkhidmat selaku Ketua Jurutera kapal pengorek yang berpengkalan di-Pelabohan Muara, Brunei atau sa-bagai Ketua Jurutera Kapal Tunda dan Penyelamat. Tugas2 'am sa-bagai Pembantu Pegawai Jurutera Laut yang mungkin di-perlukan mengikut keperluan perkhidmatan dalam jabatan.

**Tangga Gaji :**

B. 1 EB. 2 — B$1240-1285-1330-1375 - 1425 - 1475 - 1530-1580-1640 - 1700 - 1765 - 1830-1900-1970 - 2045 - 2120 - 2200-2280 / E B / 2365 - 2445-2525-2610-2690 - 2775 - 2870 - 2965-3070-3175-3280. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 9hb Januari, 1982.

(E/914/72)

(Bil : 207/1981)

## Pengarang di-DBP

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok di-lantek sa-bagai PENGARANG di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Lulus mata-pelajaran Bahasa Melayu/Kesusasteraan Melayu Perengkat Tertinggi dan tiga mata-pelajaran Perengkat Biasa (tidak termasok mata-pelajaran Senilukis) dalam Sijil 'Am Pelajaran; atau

b) Mempunyai pengalaman yang luas dalam penulisan kreatif sastera serta esei sastera dan kebudayaan, dan dapat menunjokkan karya2 yang sudah di-terbitkan.

c) Dapat membacha dan menulis Jawi dengan baik.

**Tangga Gaji :**

C.2 EB.3—$1260-1305-1350-1395 - 1445 - 1495 - 1545-1615-1685 / E B / 1735 - 1795-1855-1915-1980.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 19hb Disember, 1981.

(E/718/73 — Bil : 202/1981)

## Sa-bagai Pelateh Teknik di-Radio Talivishen Brunei

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok di-lantek sa-bagai PELATEH TEKNIK di-Radio Talivishen Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 untok jawatan2 ini hendak-lah mempunyai Sijil 'Am Pelajaran Perengkat 'A' atau 'O' dalam mata-pelajaran Ilmu Hisab dan Fizik. Mereka mesti-lah dapat menunjokkan minat mereka dalam kerja2 penyiaran. Mesti-lah faseh menulis dan bertutor dalam bahasa Inggeris.

Pemohon2 yang berjaya di-kehendaki melaksanakan bermacham2 tugas di-studio2 talivishen dan di-bahagian teknikal yang berkaitan. Tugas2 ini termasok-lah mengendalikan kamera2 talivishen, alat2 pemancharan filem dan videotape, alat2 memproses filem dan alat2 rakaman suara.

Sa-telah menjalani latehan operational pelateh2 yang terpileh di-hantar ka-Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah untok latehan teori dan praktikal selanjut-nya dengan chara sa-paroh masa sambil bekerja. Latehan ini mungkin memakan masa sa-lama tiga tahun.

**Tangga Gaji :**

D.1-2 EB.3—$425-440-455-470 - 485-500-515-535555-580-605-630-655/EB/720-755-790 - 825-860-900.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 24hb Disember, 1981.

(E/239/76)

(Bli : 208/1981)

## TENDER NOTICE

### TENDER FOR PUBLIC ADDRESS SYSTEM FOR PROPOSED MADRASAH, BERAKAS CAMP, BRUNEI

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from Specialist Contractor up to 12.00 noon, 29th December 1981.

2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

3. Tenders must be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR PUBLIC ADDRESS SYSTEM FOR PROPOSED MADRASAH, BERAKAS CAMP, BRUNEI."

4. Tender documents may be obtained from the office of Messrs Brisma International Consultants, Block F12, Seri Temasek, Seri Complex, 1¼ m.s. Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan from 9hb December 1981 onwards during normal office hours.

5. The tender deposit shall be B$500.00 (Brunei Dollars Five Hundred only) in the form of Bank Draft in the name of the Government of Brunei. The tender deposit will not be refunded to the successful tenderer.

The tender deposit shall be returned to all unsuccessful tenderers who have submitted bona-fide tenders and who have return the tender drawings in satisfactory condition to the Engineer's Office.

6. Prior to the issue of tender document, each tenderer will be required to produce documentary evidence that he is a Specialist Contractor in Sound System.

7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Sa-bagai Pemandu Tingkat I

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok di-lantek sa-bagai PEMANDU TINGKATAN I di-Jabatan Lembaga Pepereksaan, Brunei.

**Tangga Gaji :**

F 3-4-5 EB. 6 — $430-440-450-460-470-490-500-510-520-530-540-560/EB/570-580-590-600-610-620.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 25 hingga 45 tahun serta boleh menulis dan membacha.

b) Pemohon2 mesti-lah mempunyai lesen memandu Kelas 3 dan 5 yang sah dan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan2 memandu serta boleh membaiki kerosakan2 kechil.

c) Pemohon2 mesti-lah telah berkhidmat sa-bagai Pemandu Tingkat II sekurang2-nya sa-alma tiga tahun.

d) Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan ada-lah merupakan satu kelebehan.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan besama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembailkan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 16hb Januari, 1982.

(E/379/80)

(Bil : 223/1981)

### KENYATA'AN TAWARAN

### TAWARAN SEMULA KANTIN PUSAT BELIA JABATAN KEBAJIKAN, BELIA DAN SOKAN, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI

TAWARAN2 ada-lah di-plewa untok menyewa bagi pengurusan sa-buah kantin di-Bangunan Pusat Belia, Bandar Seri Begawan, Brunei dengan sharat2 berikut:—

1. Tawaran ini ada-lah untok tempoh2 2 tahun mulai 1hb Januari, 1982 hinnga 31hb Disember, 1983. Pemohon di-kehendaki menyatakan tawaran sewa-nya bagi satu bulan dengan menulis angka dan di-ikuti dengan perkataan.
2. Pemohon2 yang berjaya hendak-lah terlebeh dahulu membayar sewa pendahuluan sa-lama 3 bulan dan berikut-nya tiap2 bulan.
3. Pemborong2 yang berjaya sama sekali tidak di-benarkan menyewakan semula kapada orang lain dan jika di-dapati berbuat demikian kebenaran-nya akan di-batalkan.
4. Pemborong ada-lah bertanggong-jawab di-atas kebersehan dan keselamatan kawasan dan alat2 perkakas kantin ini.
5. Kantin Pusat Belia ini di-buka dari jam 7.30 pagi hingga 10.30 malam.
6. Barang2 minuman dan makan yang di-jual hendak-lah halal di-sisi Ugama Islam.
7. Pemborong2 yang berjaya hendak-lah menyediakan bilangan pelayan2 yang chukop dan mereka ini hendak-lah berpakaian kemas, dan hendak-lah sentiasa bersopan santun dan hormat kapada pelanggan.
8. Pemborong yang tidak mengikuti sharat2 ini akan di-ambil tindakan tegas oleh Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan.
9. Pemborong2 hendak-lah terlebeh dahulu membayar wang chagaran (deposit) sa-banyak $100.00 (satu ratus ringgit sahaja) ka-Pejabat Perbendaharaan dan wang chagaran (deposit) ini akan di-kembalikan kapada semua penawar2 yang tidak berjaya dengan sharat mereka2 ini mengembalikan resit asal-nya ka-Pejabat Perbendaharaan.
10. Borang tawaran dan penerangan2 lanjut berhubong dengan penyewaan kantin ini boleh-lah di-dapati di-Ibu Pejabat Kebajikan, Belia dan Sokan, Brunei dan hanya akan di-berikan kapada penawar2 yang telah membayar dan menunjokkan resit asal wang chagaran (deposit) yang di-keluarkan oleh Pejabat Perbendaharaan.
11. Pertimbangan mungkin akan di-berikan kapada pemborong yang menawarkan harga minuman2 dan barang2 makanan yang sederhana. Khas-nya kapada barang yang selalu di-gunakan.
12. Pemborong hendak-lah memberikan harga khas (special price) bagi hidangan kumpolan ramai terutama sekali apabila hidangan di-kehendaki semasa mengadakan jamuan2 tertentu saperti mengadakan Seminar, Dialogue, Kursus, Conference dan sa-bagai-nya.
13. Segala tawaran hendak-lah di-almatkan di-luar sampul surat kapada :—

    TENDER KANTIN PUSAT BELIA.

    Dan jangan menaroh nama pengirim, sampul itu mesti-lah di-seal dan di-masokkan ka-peti Tender yang di-sediakan di-Pejabat Perbendaharaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum jam 12.00 tengahari pada hari Sabtu 12hb Disember, 1981.
14. Kerajaan Brunei tidak terikat untok menerima tawaran yang paling tinggi atau sebarang tawaran.

## PUBLIC WORKS DEPT. TENDER NOTICES

### No. 184 OF 1981

TENDERS will be received by the Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 8th December, 1981 for:—

SUPPLY C.I.F. BRUNEI 4 UNITS—ROAD ROLLER 3 WHEELED 6-8 TON.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 185 OF 1981

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 15th December, 1981 for :—

CONSTRUCTION OF PROPOSED 3 No. CLASS 'G' QUARTERS FOR FIRE BRIGADE MUARA, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 186 OF 1981

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei, up to 12 noon on 15th December, 1981 for :—

EXTENSION, RENOVATION AND IMPROVEMENTS TO THE EXISTING HEALTH CLINIC AT BERAKAS, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department. Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 187 OF 1981

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 15th December, 1981 for :—

CONSTRUCTION OF MOSQUE FOR KAMPONG PELAMBAYAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 188 OF 1981

TENDERS will be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 15th December, 1981 for :—

PROPOSED CLASSROOM/STORES AND TOILET FACILITIES FOR MUSEUM AT KOTA BATU, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 189 OF 1981

TENDERS will be received from Class "AX" Hauling contractor only and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 15th December, 1981 for :—

THE SUPPLY AND DELIVERY OF APPROVED EARTHFILL TO THE PROPOSED JALAN MILE 1¼ JALAN GA-, TUNGKU LINK OFF DONG, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 190 OF 1981

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 15th December, 1981 for :—

CONSTRUCTION OF 15' WIDE VEHICULAR AND 6' WIDE FOOT TIMBER BRIDGE AT POLICE HEADQUARTERS, GADONG, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 191 OF 1981

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 15th December, 1981 for :—

PROPOSED SEWER CONNECTION FOR STAFF HOUSING AT NEW GENERAL HOSPITAL, KIULAP, JALAN TUTONG, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 192 OF 1981

TENDERS will be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 15th December, 1981 for :—

THE SUPPLY AND DELIVERY OF CRUSHER-RUN STONES FOR INTERNAL ROADS AT THE PROPOSED KAMPONG MATA-MATA RESETTLEMENT OFF JALAN GADONG, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 193 OF 1981

TENDERS will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 22nd December, 1981 for :—

CONSTRUCTION OF 2 OFFICES SITUATED AT STORE BUILDING AT STATE STORE, JALAN GADONG AND OLD FURNITURE STORE P.W.D. JALAN TASEK, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents may be seen and all particulars obtained at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 194 OF 1981

TENDERS wil be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 22nd December, 1981 for :—

THE SUPPLY AND DELIVERY OF CRUSHER-RUN STONES FOR INTERNAL ROADS AT THE PROPOSED KAMPONG SERASA RESETTLEMENT AREA OFF JALAN SERASA, MUARA, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

## Sa-bagai Jurutera Ayer Kanan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok di-lantek sa-bagai JURUTERA AYER KANAN di-Jabatan Kerja Raya, Brunei.

**Kelayakan2 :**

Menjadi ahli Institution of Civil Engineers dan, sebaiknya, menjadi juga Ahli Institution of Water Engineers and Scientists.

**Pengalaman :**

Mempunyai sekurang2-nya 10 tahun pengalaman dalam kerja2 bekalan ayer termasok pengalaman dari segi pengurusan, rekabentok dan pembenaan selain daripada mempunyai pengalaman dalam lain2 bidang kejuruteraan awam.

**Umor :**

35 hingga 50 tahun.

**Tangga Gaji :**

Kumpolan 4 — B$4,320.00 sa-bulan.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 31hb Disember, 1981.

(E/359/81)

(Bil : 195/1981)

## Sa-bagai Penguasa Pos

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok di-lantek sa-bagai PENGUASA POS di-Jabatan Perkhidmatan Pos, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Mempunyai Higher National Diploma (HND) dalam bidang perniagaan, pentadbiran dan perakaunan.

ATAU

Bagi pemohon2 yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di-atas tetapi mempunyai 3 tahun pengalaman sa-bagai Penolong Penguasa Pos atau jawatan yang sebanding dengan-nya boleh juga di-pertimbangkan.

**Tugas2 dan Tanggong-jawab :**

Pembantu Kanan kapada Ketua Penguasa Pos dalam kerja2 bahagian masing2 saperti pentadbiran kewangan, hal ehwal mel dan bungkusan dan chawangan2 Pejabat Pos.

**Tangga Gaji :**

C.2 EB.3—$1260-1305-1350-1395-1445-1495-1545-1615-1685/EB/1735-1795-1855-1915-1980 Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan terdiri dari raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 9hb Januari, 1982.

(E/679/78 — Bil: 206/1981)

## Sa-bagai Pemandu Motor Sangkut

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok di-lantek sa-bagai PEMANDU MOTOR SANGKUT TINGKAT II di-Jabatan Laut, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor tidak kurang dari 18 tahun an telah tamat Darjah VI aliran Melayu atau Inggeris.

b) Pemohon2 mesti-lah sehat dan berbadan tegap, mempunyai penglihatan yang baik dan lulus pepereksaan mata. Pemohon2 hendak-lah boleh berenang tidak kurang dari 220 ela chara bebas.

c) Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman sa-bagai Pemandu Motor Sangkut sekurang2-nya sa-lama dua tahun dan lulus Ujian Kechekapan Jabatan Laut bagi Pemandu Motor Sangkut Tingkat II.

**Tugas2 :**

Selaku Pemandu Motor Sangkut yang terlibat di-dalam pengangkutan penumpang2 dan pengiriman surat atau terlibat di-dalam Perkhidmatan Memandu Labohan Muara atau lain2 tugas Jabatan Laut. Chalon2 mesti-lah bersedia untok bertugas bila2 masa di-kehendaki di-luar masa bekerja biasa atau bekerja sa-chara bergilir2 (shift). Chalon2 yang berjaya hendak-lah bersedia untok bertugas di-mana2 sahaja di-dalam negeri.

**Tangga Gaji :**

F. 3-4 EB.5 — $430-440-450-460-470-490-500-510-520/EB/530-540-560.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembailkan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 21hb Disember, 1981.

(E/736/73)

(Bil : 200/1981)



ISTIADAT mengorniakan gelaran Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Datu Tabib Laila Setia kapada Col. Dato Seri Paduka John Gerard Moran telah di-langsongkan di-Lapau pada 1hb Disember yang lalu. Gambar kanan kelihatan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Datu Tabib Laila Setia junjong ziarah kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia satelah selesai istiadat mengorniakan gelaran.

Pada hari yang sama, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga berkenan mengorniakan gelaran Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Datu Tabib Indera Setia kapada Dato Seri Laila Jasa Dr Narendra Dhwaj Joshi. Gambar bawah kelihatan YDM Pehin Datu Laila Didekan Dato Seri Laila Jasa Awang A. D. Bumford menapakkan gangsa sireh di-istiadat mengorniakan gelaran kapada YDM Pehin Orang Kaya Datu Tabib Indera Setia.



# PENCHEMARAN ALAM MEMBIMBANGKAN PENDUDOK2 DI-SELUROH DUNIA

**Oleh : Ja'afar Ibrahim**

BANDAR SERI BEGAWAN.— Timbalan Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Haji Johar bin Dato Paduka Haji Nordin, mengharapkan supaya kesedaran yang di-tunjokkan dalam Kempen Minggu Kesihatan tahun ini tidak akan terhenti begitu saha-ja malah ia-nya hendaklah di-teruskan pada memelihara alam sekitar yang berseh bagi Negeri Brunei.

Dalam perutusan-nya sempena Minggu Kesihatan Kebangsaan bagi tahun 1981, Yang Berhormat itu menjelaskan ini sesuai dengan thema pada tahun ini yang di-pileh 'ALAM SEKITAR BERSEH — NEGARA SEHAT' yang mana thema sa-umpama ini memerlukan sa-tiap anggota masharakat mengambil tindakan yang sawajar-nya.

"Maka kempen kebersehan tahun ini di-laksanakan oleh orang ramai sendiri di-bawah arahan Pegawai2 Daerah di-empat2 buah daerah dengan dibantu oleh Chawangan Kesihatan Awam bagi jabatan kita dan juga jabatan2 kerajaan yang berkaitan," kata-nya.

## PENCHEMARAN

Menurut Yang Berhormat, penchemaran alam sekitar ia-lah jangkitan sekeliling kita oleh barang2 yang tidak berguna yang akhir-nya menyebabkan pembiakan binatang2 perosak saperti lalat2, nyamok2, tikus2 dan sa-bagainya yang mana semua-nya ada-lah pembawa penyakit yang merbahaya.

"Penchemaran alam sekitar saperti ini yang ujud di-dalam pendudok manusia, sedang menyebabkan seluroh dunia berasa chemas di-atas bahaya sampah sarap dan barang2 yang tidak berguna yang di-lakukan oleh pendudok sekeliling yang tidak berfikiran. Ini ada-lah chabaran yang tepat pada kehidupan manusia," ujar Yang Berhormat itu lagi.

Di-negeri kita juga, jelasnya, kita sedang menghadapi saat yang menchemaskan disebabkan pertumbohan pendudok yang begitu pesat, perkembangan pertanian dan perusahaan serta pertambahan perbandaran dengan berbagaibagai masaalah-nya.

Kempen Minggu Kesihatan Kebangsaan anjoran Jabatan Perkhidmatan2 Perubatan dan Kesihatan akan bermula dari 14hb hingga 19hb Disember.

Pengarah Perkhidmatan2 Perubatan dan Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Tabib Laila Diraja Dato Paduka Seri Laila Jasa Doktor P.I. Franks akan merasmikan-nya dalam satu majlis yang akan di-adakan di-Dewan Pusat Belia pada hari Isnin 14hb Disember jam 10.00 pagi.

Tempat2 di-Daerah Brunei dan Muara yang telah di-tetapkan dalam kempen tersebut ia-lah kawasan Pantai Muara pada 20hb Disember dan kawasan sa-panjang Jalan Kebangsaan.

Kempen tersebut juga akan di-sertai oleh Jabatan2 kerajaan yang lain ia-itu saperti Lembaga Bandaran, Daerah Brunei dan Muara dan Jabatan Kerja Raya yang akan menyediakan berbagai-bagai kemudahan semasa kempen itu nanti.

# Pendaftaran Kelas2 Dewasa

BANDAR SERI BEGAWAN. —Pendaftaran bagi memasoki kelas2 dewasa bagi tahun 1982 kini sedang di-buka di-beberapa buah sekolah di-seluroh negeri.

Di-sekolah Melayu Pusar Ulak kini sedang membuka pendaftaran dalam mata pelajaran menaip, trengkas dan simpan kira pada tiap2 hari Jumaat dan hari Ahad di-sapanjang bulan ini.

Manakala pendaftaran bagi kelas2 menaip dan steno di-Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti Kilanas Daerah Brunei dan Muara juga sedang di-buka. Borang2 boleh diperolehi dari Awang Untong bin Nudin di-sekolah berkenaan pada hari Jumaat, Sabtu dan Ahad dari jam 8.00 pagi hingga 3.00 petang dan penutopan-nya pada bulan Januari depan.

Sementara, itu, pendaftaran yang sama juga kini sedang di-buka di-Sekolah Melayu Muda Hashim dan Sekolah Melayu Penajong di-Daerah Tutong. Borang2 boleh di-perolehi daripada Awang Haji A. Kawi bin Kadir pada tiap2 hari Jumaat dan Ahad dari jam 8.00 pagi hingga 10.00 pagi di-Sekolah Melayu Muda Hashim. Tarikh pendaftaran-nya akan di-tutop pada penghujong bulan ini.

Sekolah Melayu Muhammad Alam Seria kini juga sedang membuka hari pendaftaran-nya bagi mereka yang ingin memasoki kelas dewasa dalam mata pelajaran menaip, trengkas, urusan rumah tangga dan membenteras buta huruf yang mana tarikh pendaftaran akan di-tutop pada 1hb Januari depan.

# *Peraduan melukis poster keselamatan jalanraya*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis Keselamatan Jalanraya, Negeri Brunei, kini sedang mengadakan satu peraduan melukis poster keselamatan jalanraya.

Peraduan tersebut terbuka kapada seluroh pendudok negeri ini, dan dibahagikan kapada lima bahagian ia-itu; bahagian A untok sekolah rendah sa-hingga darjah VI. Bahagian B, untok murid2 sekolah menengah bawah dan maktab2 dari Tingkatan III.

Manakala bahagian C ia-lah untok murid2 atau penuntut2 sekolah menengah atas dan maktab2 dari Tingkatan IV. Bahagian D pula, untok orang ramai berumor di-bawah 21 tahun. Dan bahagian E, untok orang ramai berumor 21 tahun ka-atas.

## THEMA PERADUAN

Thema poster bagi peraduan kali ini ia-lah "Sentiasa Chermat Tentu Selamat". Dan sa-tiap peserta hanya di-bolehkan menghantar satu poster saja.

Oleh yang demikian sasiapa yang ingin ikut serta dalam peraduan ini bolehlah mendapatkan butir2 lanjut dan borang2 penyertaan dari Pejabat2 Pengangkutan Darat, sama ada di-Jalan Gadong atau di-Kuala Belait. Bagi peserta2 dari Daerah2 Tutong dan Temburong, borang2 boleh di-dapati dari Pejabat Daerah masing2.

Borang2 penyertaan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 20hb. Februari, 1982. Dan hendak-lah di-hantar kapada: Setiausaha, Majlis Keselamatan Jalanraya, Negeri Brunei, Pejabat Pengangkutan Darat, Jalan Gadong, Brunei.

# MUIB bukan di-bawah pentadbiran JHEU

Dari muka 1

Menjelaskan kapada peserta taklimat, Awang Hj. Abdul Saman seterus-nya menerangkan bahawa kedudokan Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) ada-lah merupakan pehak berkuasa pertama untok membantu Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada menjalankan tanggong-jawab sa-bagai kuasa mementah tertinggi di-bidang shi'ar Ugama Islam di-negeri ini.

## BADAN BEBAS

Kata-nya, majlis tersebut tidak-lah terletak di-bawah kuasa Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei, tetapi ia-nya merupakan sabuah badan bebas yang menasehat kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengikut Undang2 Peratoran No. 20 tahun 1955.

Memandangkan hal demikian, tambah-nya, badan berkenaan tidak boleh dichampori oleh pentadbiran Jabatan Hal Ehwal Ugama, tetapi apa yang mengelirukan hanya berkebetulan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama ada-lah orang yang sama yang juga menyandang jawatan Yang Dipertua MUIB.

"Saya berharap hari ini akan jelas bahawa sabenar-nya kedudokan Majlis Ugama Islam itu bukan-lah di-bawah jagaan dan pentadbiran Jabatan Hal Ehwal Ugama, hanya kebetulan di-pejabatkan atau pejabat-nya diletakkan di-dalam Jabatan Hal Ehwal Ugama," jelas Awg. Haji Abdul Saman.

## KEPUTUSAN

Menjelaskan keputusan yang di-buat oleh MUIB, Awang Haji Abdul Saman memberitahu, Jabatan Hal Ehwal Ugama ada-lah satu pehak yang hanya menjalankan keputusan2 tersebut dan bukan mengarahkan majlis berkenaan, sabalek-nya MUIB mengarahkan jabatan itu untok mengambil tindakan kaatas apa2 jua keputusan.

"Dan melalui majlis ini Kebawah Duli Yang Maha Mulia di-nasehatkan mengenai dasar2 yang patut di-jalankan sa-panjang yang bersangkutan dengan Hal Ehwal Ugama, sebab itu Majlis Ugama Islam Brunei mempunyai permashuaratan yang lazimnya membinchangkan dari perkara2 yang kechil hingga-lah perkara yang bersangkut-paut dengan undang-undang, hukom2 shara' dan sebagai-nya untok di-sembahkan kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia," jelas-nya.

# Penetapan Pegawai2 Kanan

Dari muka 1

Brunei di-Singapura untok menggantikan Pengiran Ali Hassan bin Pengiran Dato Seri Laila Jasa Pg Haji Abas, Pegawai Pentadbir Tingkatan Khas di-Pejabat wakil Kerajaan Brunei di-Singapura, mulai dari penghujong tahun ini.

Awang Ahmad bin Dato Matnoor, Ketua Bahagian Pentadbiran di-Jabatan Perkhidmatan Diplomatik, di-tetapkan dalam sukatan gaji kumpolan 3 mulai dari 6hb. Oktober, 1981.

Manakala Awang Zainal bin Haji Momin, telah di-tetapkan dalam jawatan-nya sa-bagai Timbalan Pesuruhjaya Buroh, dan Awang Haji Wahabi bin Haji Metussin di-tetapkan dalam jawatan-nya sabagai Timbalan Pengawal Pasokan Bomba. Kedua2-nya bermula pada 19hb. September, 1981 yang lalu.

Sementara itu Awang Ya'akub bin Abu Bakar di-tetapkan dalam jawatan-nya sa-bagai Timbalan Ketua Pos Agong mulai 27hb. Oktober, 1981.

# Juru2 nikah di-Daerah Brunei-Muara

Dari muka 1

Awang Mohammad bin Haji Menuddin Imam Masjid Kampong Pulau Baru2.

Awang Khamis bin Haji Tarsad Imam Masjid Kampong Kasat, Pengiran Abd Saman bin Pengiran Haji Abu Bakar Imam Masjid Kampong Batu Marang, Awang Haji Ibrahim bin Othman, Imam Masjid Sufri Bolkiah, Awang Haji Jumat bin Haji Matarsat Imam Surau Kampong Serdang, Awang Haji Tuah bin Ladi Pemangku Imam Masjid Kampong Junjongan dan Awg Haji Nudin bin Bakar pemangku Imam Masjid Kampong Lumapas.

Awang Haji Amit bin Metussin/Metusin pemangku Imam Balai Ibadat Kampong Setia, Awang Nayan bin Jumat Bilal Masjid Kampong Sengkurong, Awang Sahak bin Mohammad Bilal Masjid Kampong Jerudong, Awang Haji Puting bin Mohd. Noor Bilal Masjid Kampong Pudak, Awang Maidin bin Mohammad Bilal Masjid Kampong Kasat dan Awang Haji Tahir bin Ja'afar Bilal Masjid Mohammad Bolkiah.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.